**Kompleks Sukan Bandaraya di Relau** MS 6



**Rumah, jangan anak tiri P. Pinang** MS 6 & 9

**Pagi Bebas Kenderaan Seberang Perai** MS 20



PERCUMA

buletin **Mutiara**

www.buletinmutiara.com




**1 – 15 MEI 2015**

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Permatang Pauh mahukan PR - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**



**DR. Wan Azizah Wan Ismail (depan, bertudung putih), Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bersama-sama meraikan kemenangan keputusan PRK P.044 Parlimen Permatang Pauh di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Ahli Parlimen Bagan yang juga Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa kemenangan di Permatang Pauh membuktikan bahawa majoriti pengundi-pengundi Permatang Pauh khususnya mahukan sebuah Pakatan Rakyat (PR) yang kuat.

"Jelas sekali isu nasional seperti GST (Cukai barangan dan perkhidmatan), skandal kewangan 1MDB dan dasar-dasar gagal ekonomi BN (Barisan Nasional) yang telah didedahkan dengan begitu terperinci sekali oleh mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan mantan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin telah mendominasi fikiran para pengundi.

"Sekiranya pendedahan terbaru mengenai pembelian tanah 1MDB oleh Lembaga Tabung Haji terjadi beberapa hari sebelum hari mengundi, UMNO pastinya akan tewas dengan margin yang lebih besar berbanding PRU tahun 2013.

"Kemenangan itu juga merupakan sokongan berterusan terhadap dasar-dasar utamakan rakyat oleh Pakatan Rakyat, sokongan bagi Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kini terpenjara serta komitmen daripada kesemua parti Pakatan Rakyat kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang," katanya dalam kenyataannya di sini baru-baru ini.

Pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Permatang Pauh baru-baru ini, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berjaya mempertahankan kemenangan bagi kerusi Ahli Parlimen Parmatang Pauh yang pernah disandang suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan 8,841 undi majoriti.

Dr. Wan Azizah yang lebih mesra dipanggil 'Kak Wan' mendapat 30,316 undi.

Manakala, calon Barisan Nasional, Suhaimi Sabudin, Salleh Isahak (BEBAS) dan Azman Shah Othman (BEBAS) masing-masing memperoleh 21,475 undi, 367 undi dan 101 undi.

Dalam pada itu, Guan Eng menambah, kemenangan berkaitan adalah jelas sekali bahawa pengundi Permatang Pauh lebih menyukai dasar-dasar Pakatan Rakyat yang lebih mengutamakan rakyat dan bersepadu oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang.

"Walaupun UMNO menuduh bahawa tidak ada pembangunan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyumbang lebih RM70 juta dalam bentuk bantuan tunai dan dana pembangunan sejak 2008, atau RM10 juta setiap tahun secara purata," ujar beliau.

Terdahulu, dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) pada 5 Mei 2013, Anwar berjaya mendapat 37,090 undi dengan 11,721 undi majoriti, menewaskan calon BN, Dr. Mazlan Ismail (25,369 undi) dan calon bebas, Dr. Abdullah Zawawi Samsudin (201 undi).

Dr. Wan Azizah pernah menjadi Ahli Parlimen Permatang Pauh selama tiga penggal mulai tahun 1999 hingga 2008 sebelum memberi laluan kepada Anwar bertanding di kerusi 'tradisi' itu melalui suatu PRK.

## Kontraktor Bumiputera dapat 94% daripada nilai kontrak KN

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Jumlah kontrak dikeluarkan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang sebanyak RM8.3 bilion sepanjang tujuh tahun sejak 2008 adalah lebih besar daripada keseluruhan nilai projek yang diberikan sepanjang 50 tahun oleh Kerajaan Negeri Barisan Nasional (BN) sebelum 2008.

Daripada nilai projek RM8.3 bilion tersebut, RM7.8 bilion diberikan secara tender kompetitif terbuka, manakala bakinya sebanyak RM496 juta adalah secara sebutharga.

Perkara tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam kenyataan bertulisnya dan juga sidang akhbar yang diadakan di sini baru-baru ini.

Katanya, RM7.8 bilion atau 94 peratus daripada nilai projek Kerajaan Negeri berjumlah keseluruhan RM8.3 bilion telah diberikan kepada kontraktor Bumiputera.

"Ini sekaligus menangkis fitnah dan penipuan oleh pemimpin UMNO dan BN yang cuba mainkan sentimen perkauman bahawa kontraktor Bumiputera tidak dijaga oleh Kerajaan Negeri atau tak mendapat kontrak Kerajaan Negeri PR" tegas beliau.

Guan Eng memberitahu, kemampuan Kerajaan Negeri PR mengeluarkan projek bernilai RM8.3 bilion dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri adalah bergantung kepada sistem urus tadbir Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) yang membolehkan pengurusan yang bersih dan amanah.

Mengulas lanjut, katanya, sejumlah 6,095 projek secara tender terbuka dan sebut harga telah ditawarkan sejak tahun 2008 hingga 2014.

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,688 projek ditawarkan kepada kontraktor Bumiputera dengan nilai kontrak berjumlah RM7,814,155,851.16 bersamaan 94 peratus dari jumlah keseluruhan perolehan Kerajaan Negeri.

"Ini jelas memperlihatkan sejumlah 94 peratus projek dianugerahkan kepada kontraktor Bumiputera secara tender terbuka, manakala baki enam peratus lagi atau 407 projek dengan nilai RM496,354,874.44 ditawarkan kepada kontraktor bukan Bumiputera.

"Suka saya jelaskan, bahawa sejak Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) mengambil alih, jumlah kontraktor Melayu yang menerima kontrak meningkat lapan kali ganda berbanding sebelumnya," ujar beliau.

# Pelantikan semula TYT penuh istiadat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**DATUK KERAMAT** – Istiadat pelantikan semula dan majlis mengangkat sumpah Tun Dr. Abdul Rahman Abbas sebagai Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang (TYT) dalam tempoh dua tahun lagi buat kali yang ke-enam dilangsungkan di Seri Mutiara di sini baru-baru ini.

Abdul Rahman diiringi Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang serta anggota kerabat istiadat yang lain masuk ke dewan utama majlis dengan alunan muzik tradisional Melayu yang dikenali sebagai "Nobat".

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus memulakan istiadat pengumuman pelantikan, disusuli majlis ikrar serta Manandatangani Surat Sumpah Jawatan oleh Abdul Rahman, yang disaksikan oleh Hakim Utama Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, Datuk Mohd. Zaki Md. Yasin.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mewakili pemimpin Kerajaan Negeri serta rakyat Pulau Pinang kemudiannya melafazkan ikrar ketaatan yang tidak berbelah-bahagi kepada Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong serta Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang di depan Abdul Rahman dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Selepas itu, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor memimpin bacaan doa, seterusnya, acara pegawai istiadat memohon keizinan daripada Abdul Rahman untuk menamatkan majlis rasmi dan jamuan tengah hari.

Guan Eng dalam ucapannya memberitahu bahawa perpaduan kebangsaan, pertumbuhan ekonomi, keharmonian sosial dan pembangunan lestari di negeri ini mampu merealisasikan "Impian Pulau Pinang" yang digagaskan oleh pentadbirannya.

"Pulau Pinang berjaya menarik jumlah pelaburan sebanyak RM8.16 bilion pada tahun 2014 berbanding dengan RM3.91 bilion pada tahun 2013.

"Keyakinan pelabur memang terserlah apabila pelaburan negeri ini mencatat RM48.2 bilion untuk tempoh tujuh tahun di antara 2008 hingga 2014, iaitu 93.6% lebih tinggi daripada RM24.9 bilion semasa tempoh tujuh tahun sebelum ini (2001-2007).

"Dalam tempoh enam tahun ini (2008-2013), lebihan belanjawan terkumpul bagi Pulau Pinang berjumlah RM453 juta, yang jauh melebihi lebihan belanjawan terkumpul 50 tahun sebelum ini (1957-2007) sebanyak RM373.6 juta.

"Impian Pulau Pinang komited untuk dicapai...kita semua harus mengimpikan impian yang sama," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Barisan Exco Kerajaan Negeri, semua ADUN dan Pegawai Kanan Kerajaan Negeri turut menyaksikan majlis penuh istiadat berkenaan.



**KETUA Menteri mewakili Kerajaan Negeri dan seluruh rakyat Pulau Pinang melafazkan ikrar taat setia yang tidak berbelah-bahagi kepada Yang Dipertuan Agong dan TYT di hadapan Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri pada istiadat pelantikan semula dan majlis mengangkat sumpah TYT di sini baru-baru ini.**



**DR. Abdul Rahman Abbas menandatangani surat pelantikan semula beliau.**

## TYT cadang bina bangunan DUN baru di Jelutong

Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** – Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Yang Ketiga Belas berjalan lancar dengan istiadat pembukaan berlangsung di pekarangan bangunan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Istiadat bermula dengan Yang di-Pertua DUN Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas berkenan memeriksa kawalan kehormat Pasukan Gerakan Am (PGA).

Di khemah utama, kelihatan Yang di-Pertua Dewan DUN Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang dan isteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng (Ketua Menteri) dan isteri, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I) dan isteri, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) dan isteri, serta barisan Exco Kerajaan Negeri yang lain.

Turut serta, Menteri Besar Selangor, Y.A.B. Mohd. Azmin Ali, dengan diiringi oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus.

Abdul Rahman dalam ucapannya di dewan persidangan mencadangkan Kerajaan Negeri mempertimbangkan cadangan untuk membina sebuah bangunan DUN yang baru di bekas tapak pelupusan sampah dekat Parlimen Jelutong, demi memenuhi keperluan masa depan.

Menurut beliau, cadangan tersebut adalah wajar memandangkan dewan yang mula dibuka pada tahun 1959 tersebut direkabentuk untuk menampung keperluan 24 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang kini bertambah menjadi 40 orang.

"Ruang (DUN Pulau Pinang) yang sedia ada adalah tidak lagi mencukupi serta sesuai untuk menampung pertambahan jumlah kawasan Dewan Undangan Negeri berkenaan.

"Cadangan pembinaan di tapak (pelupusan sampah Jelutong) tersebut oleh Kerajaan Negeri bukan sahaja menjadi Dewan Undangan Negeri berada di satu lokasi yang strategik di antara pulau dan Seberang Perai, tetapi, juga membuktikan kesungguhan usaha Kerajaan Negeri untuk mentransformasikan tapak tersebut," jelas Abdul Rahman dalam ucapannya.

Dalam perkembangan lain, Abdul Rahman turut memuji komitmen Kerajaan Negeri dalam membebaskan Pulau Pinang daripada gejala rasuah serta pembaziran dan penyelewengan kewangan.

"Saya ingin mengucapkan syabas kepada barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana hasil daripada urus tadbir Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) ini, Kerajaan Negeri berjaya mencatatkan lebihan Belanjawan setiap tahun semenjak mengambil alih tampuk pemerintahan pada tahun 2008," ujarnya.

Abdul Rahman berkata, Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 telah memperoleh lebihan kewangan (surplas) RM453 juta dan membelanjakan sebanyak 287 juta untuk pelbagai program bantuan sosial kepada rakyat Pulau Pinang terpilih.

Mereka, antaranya, warga emas, orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal, suri rumah, pelajar sekolah rendah dan menengah, bayi yang baru dilahirkan, waris warga emas, waris ibu tunggal dan waris OKU, semua mahasiswa dan mahasiswi universiti awam tempatan, nelayan, pemandu teksi, penarik beca serta bantuan kepada golongan miskin agar pendapatan isi keluarga secara bulanan melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) negara sebanyak RM790 sebulan.



**DR. Abdul Rahman Abbas (dua dari kanan) berbual mesra dengan Azmin Ali (dua dari kiri) sambil diperhatikan Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri selepas selesai istiadat Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga DUN Yang Ketiga Belas di sini baru-baru ini.**

## Naik taraf surau DUN siap - Exco Agama

**GEORGE TOWN** – Surau Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang yang siap dinaiktaraf secara rasminya dibuka kepada semua pada hari pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Yang Ketiga Belas di sini baru-baru ini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim memberitahu, kos penarafan untuk surau lelaki dan perempuan DUN Pulau Pinang mencecah hampir RM100,000.

"Alhamdulillah, kerja-kerja naiktaraf surau untuk muslimin dan muslimat ini siap seperti yang dirancang dan secara rasminya dibuka pada hari ini," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I merangkap ADUN Pantai Jerejak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Dato' Maktar Shapee (Timbalan Yang di-Pertua DUN Pulau Pinang merangkap ADUN Sungai Bakap) dan Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan merangkap ADUN Seberang Jaya) turut menyertai majlis tersebut.

Terdahulu, Ketua Pembangkang Pulau Pinang merangkap ADUN Teluk Air Tawar, Datuk Jahara Hamid dan Sr. Mohamad Farid Saad (ADUN Pulau Betong) pada mesyuarat DUN penggal lepas masing-masing membangkitkan isu keadaan surau sedia ada yang dikatakan sesak bercampur antara muslimin dan muslimat, terutama pada waktu puncak solat.

Malah, mereka mendakwa bahawa Kerajaan Pulau Pinang hari ini seakan tidak sensitif dengan keperluan umat Islam di negeri ini, khususnya di bangunan DUN tersebut.

Sambil menolak dakwaan tidak benar tersebut, Abdul Malik dalam reaksi spontan memberitahu bahawa pihaknya akan memastikan kerja-kerja penarafan surau DUN akan siap sebelum pembukaan mesyuarat penggal DUN akan datang.

"Selepas lima penggal YB Jahara menjadi ADUN Teluk Air Tawar (Jahara), masalah surau tidak pernah dibangkitkan, semalam dia bangkit dan hari ini kita (Kerajaan Negeri) buat keputusan," tegas beliau pada sesi penggulungan di DUN Pulau Pinang sebelum ini.

Semasa itu, Abdul Malik memberitahu bahawa Jabatan Kerja Raya (JKR) telahpun dipanggil melakarkan pelan naiktaraf surau yang baru dan kerja-kerja menaiktaraf surau sedia ada dijangka bermula pada bulan Februari tahun depan (2015).



**(Dari kiri), DR. Afif Bahardin, Abdul Malik Abul Kassim, Maktar Shapee dan Mohd. Rashid Hasnon semasa menyaksikan dewan solat utama surau lelaki bangunan DUN Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

# RM54,000 naiktaraf Masjid Telaga Air siap



KETUA Menteri, Mohamad Sabu (tiga dari kanan) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakamkan gambar bersama-sama Razuan Hashim (empat dari kanan) selepas melawat Masjid Telaga Air yang siap dinaiktaraf di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BAGAN JERMAL –** Kerja-kerja penarafan dewan serta beberapa kelengkapan keselamatan lain bagi Masjid Telaga Air dekat kawasan Parlimen Bagan yang menelan belanja sebanyak RM54,000 telah siap sepenuhnya di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri berharap inisiatif itu dapat memberi lebih keselesaan kepada anggota kariah yang menunaikan solat serta aktiviti kemasyarakatan di masjid berkenaan.

"Dulu, ini kawasan yang terbuka, tetapi, kita (Kerajaan Negeri) telah menaiktaraf dengan membina dinding untuk menutup kawasan ini, hingga menjadi dewan yang sempurna serta lebih selamat daripada unsur provokasi, seperti insiden sebelum ini.

"Saya beri peruntukan RM54,000 supaya kita (Kerajaan Negeri) boleh melakukan usaha awal untuk keselesaan ahli-ahli kariah di sini," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan kepada wartawan, selepas melawat masjid tersebut di sini baru-baru ini.



RUPA bentuk Masjid Telaga Air.

Turut hadir, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng, Soon Lip Chee (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Jawi), Tuan Haji Mohamad Sabu (Ahli Lembaga Pengarah bagi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang, PBAPP) dan Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP).

Hadir sama, tiga Ahli Majlis MPSP, Tan Chong Hee, Dahalan Fazil dan Ahmad Tarmizi Abdullah.

Semua pemimpin Kerajaan Negeri tersebut disambut oleh Pengerusi Kariah Masjid Telaga Air, Razuan Hashim serta ahli kariah yang lain.

Terdahulu, pentadbiran Guan Eng digambarkan tidak memelihara sensitiviti umat Islam di negeri ini, apabila berlakunya insiden balingan sebungkus daging babi ke perkarangan Masjid Telaga Air.

Dalam tempoh tiga bulan, difahamkan, lebih sembilan insiden serupa berlaku di masjid tersebut, tidak kira pada waktu malam mahupun siang.

Hasil intipan dan kerjasama anak-anak kariah dengan pihak polis, akhirnya dalang insiden tersebut berjaya dikesan dan diberkas.

Lantas itu, Guan Eng memberi ganjaran berupa wang kepada dua anak kariah, Muhamad Nazri Hashim, 44, dan Muhd. Hasmadi Ahmad Tuah, 24, atas kesabaran hingga berjaya 'menangkap' dalang insiden berkaitan.

Manakala, hasil siasatan polis pula melaporkan bahawa dalang insiden adalah seorang lelaki yang dikenalpasti mempunyai masalah mental.

## Cemerlang akademik macam "Kak Wan", kata KM

**PENANTI –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap murid-murid yang dipilih menerima Biasiswa Kecil Negeri (BKN) di negeri ini menjadikan Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail sebagai sumber inspirasi mereka, dalam memburu kecemerlangan akademik di sekolah sampai ke universiti.

Menurut Guan Eng, Wan Azizah yang merupakan Ahli Parlimen Permatang Pauh semasa melanjutkan pelajaran di sebuah universiti terkemuka dunia di Dublin, Ireland pada awal era 1970-an dahulu merupakan anak Melayu pertama yang dianugerahkan pingat emas *MacNoughton-Jones Gold Medal*.

"Biasiswa ini tidak dapat 'membeli' kecemerlangan akademik, melainkan anda perlu berusaha bersungguh-sungguh seperti 'Kak Wan' (atau nama sebenarnya) Datuk Seri Dr. Wan Azizah, hingga mendapat (pengiktirafan akademik berupa) pingat emas daripada sebuah universiti terkenal dunia di Dublin, Ireland.

"Ingatlah, sumbangan guru-guru dan ibu bapa, dan pastikan (bahawa) saya akan bertemu anda sekali lagi untuk menerima RM1,000, kerana berjaya dipilih masuk ke mana-mana universiti (awam) suatu hari nanti," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih di dewan utama Yayasan An-Nahdhoh di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Dr. Afif Bahardin (ADUN Seberang Jaya merangkap Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan), Dato' Mohd. Salleh Man (ADUN Permatang Pasir merangkap Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, MAINPP) dan Dr. Norlela Ariffin (ADUN Penanti) turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Maktar Shapee, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti) dan Tuan Guru Ustaz Abdul Mutalib Maarof (Pengasas Yayasan An-Nahdhoh) pada majlis rasmi yang dihadiri lebih 200 hadirin berkaitan.

Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri pada tahun 2015 meluluskan pemberian biasiswa kepada 1,591 murid terpilih, dengan keseluruhan peruntukan adalah sebanyak RM1,222,680.

Daripada jumlah itu, seramai 447 murid dipilih daripada 27 sekolah sekitar Daerah Seberang Perai Utara (SPU), manakala, 183 murid lain dipilih daripada 17 sekolah dari Daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

Di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) pula, seramai 397 murid dipilih dari 29 sekolah, termasuk 175 murid dari 14 sekolah sekitar Kawasan Parlimen Permatang Pauh.

"Kenaikan kali pertama yang dibuat pada tahun 2009 melibatkan peningkatan sebanyak 100 peratus, iaitu daripada RM240 kepada RM480 bagi pelajar menengah rendah, dan RM360 kepada RM729 bagi pelajar menengah atas.

"Manakala, kali terakhir kadar Biasiswa Kecil Negeri dinaikkan adalah pada tahun 2013 yang melibatkan kenaikan sebanyak RM120, melibatkan kadar baru Biasiswa Kecil Negeri adalah RM600 bagi menengah rendah dan RM840 untuk menengah atas.

"Ini adalah jumlah yang paling tinggi yang tidak diberikan oleh mana-mana Kerajaan Negeri di Malaysia, melainkan (oleh Kerajaan Negeri) di Pulau Pinang," jelas beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Justeru, Guan Eng memberitahu bahawa pihaknya berharap pemberian Biasiswa Kecil Negeri tersebut dapat mengurangkan beban ibu bapa yang kurang berkemampuan dalam menyediakan kelengkapan persekolahan anak-anak masing-masing, terutama pasca pelaksanaan Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST) yang membebankan sejak 1 April lalu.

Dalam pada itu, seorang pelajar dari Sungai Bakap, SPS, Jean Ang Chai Ching, 17, semasa ditemui kemudian melahirkan rasa gembira atas inisiatif Kerajaan Negeri menaikkan kadar Biasiswa Kecil Negeri.



M. Durdhashin (depan, dua dari kiri) bersama-sama N. Munishwary (paling kanan) dan dua adik-beradiknya.



JEAN Ang Chai Ching bersama-sama Cham Hooi Yong.

"Saya sangat gembira kerana mendapat Biasiswa Kecil Negeri sejak di Tingkatan 3 hingga sekarang (Tingkatan 5).

"Kadar (biasiswa) naik sedikit, sangat baik kerana saya memang memerlukan biasiswa ini untuk membeli keperluan belajar seperti buku-buku," ujar beliau, ditemani ibu, Cham Hooi Yong, 43.

Nada yang sama turut diluahkan oleh murid Sekolah Menengah Kebangsaan Permatang Rawa, SPT, M. Durdhashin, 14.

"Ini, kali kedua saya dapat Biasiswa Kecil Negeri selepas tahun lepas (2014).

"Gembira kerana saya boleh membeli kelengkapan sekolah saya sendiri, dan dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh ibu," ujarnya ditemani ibu, N. Munishwary, 40, serta dua adik-beradik lain di sini.



MOHD. Qayyum Shahidan (kiri) menunjukkan sumbangan yang diterima sambil ditemani Zarina Abd. Majid pada Majlis Penyampaian BKN di Yayasan An-Nahdhoh di sini baru-baru ini.

Zarina Abd. Majid, 40-an, iaitu ibu kepada Mohd. Qayyum Shahidan, 14, turut memuji Kerajaan Negeri kerana cakna dengan kebajikan pelajar-pelajar terpilih di negeri ini.

"Tahun lepas, anak saya (Mohd. Qayyum) dapat pemberian biasiswa daripada Dr. Afif di Dewan Perda, dan kali ini daripada Ketua Menteri pula.

"Selalunya, saya menyimpan duit biasiswa ini, dan guna apabila benar-benar perlu untuk kegunaan belajar anak sahaja.

"Seronoklah kerana Kerajaan Negeri sara belajar anak, lagipun Pulau Pinang ini negeri yang maju, maka, elokan Kerajaan Negeri fokus pendidikan anak-anak di Pulau Pinang ini," respons Zarina kepada wartawan selepas selesai majlis berkaitan.

# Al-Quran galak umat depani saingan - Exco Agama

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA –** Majlis Pelancaran Sambutan Bulan-Bulan Al-Quran Kali Ke-6 Peringkat Negeri Tahun 2015 baru-baru ini dirasmikan oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dalam ucapannya menggalakkan umat Islam di negeri ini berani mendepani persaingan dengan membawa imej "Islam sebagaimana rahmat ke seluruh alam", sebagaimana dituntut dalam al-Quran.

"Masyarakat hidup dalam suasana penuh persaingan, hanya mereka yang mempunyai ilmu serta kebijaksanaan sahaja yang mampu mengungguli persaingan.

"Situasi ini sudah tentu menyaksikan generasi al-Quran pada masa akan datang bakal menghempas-pulas mendepani persaingan yang lebih hebat, dengan menjadikan *Islam Rahmatan Lil 'Alamin* (Islam sebagai rahmat ke seluruh alam)," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung di Seberang Perai Arena (SPA) di sini.

Timbalan Ketua Menteri I merangkap ADUN Pantai Jerejak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon turut berucap pada majlis tersebut.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus, Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor (Mufti Pulau Pinang), Dato' Maktar Shapee (Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang), Dato' Sazali Hussein (Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, JHEAIPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) dan Omar Hassan (Ahli Majlis bagi MPSP) turut hadir pada majlis tahunan tersebut.

Manakala, forum "Generasi Al-Quran Penyelamat Ummah" selepas majlis perasmian itu menampilkan tiga panel, Ustaz Mohamed Hanafiah Abdul Malik (Selebriti Dakwah rancangan Tanyalah Ustaz TV9), Syeikh Yusuf Ahmad pegawai agama dari (Jabatan Agama Islam Negeri Kedah), Imam Muda Hizbur Rahman Omar Zuhdi (Finalis Imam Muda Musim Pertama ASTRO), di bawah kendalian moderator, Ustaz Roslan Che Rus (Pegawai daripada JHEAIPP).

Majlis tersebut diraikan pada bulan Rejab, Sya'ban dan Ramadan saban tahun di negeri ini, sejak tahun 2010.



**DR. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) menyempurnakan lafaz perasmian Majlis Pelancaran Sambutan Bulan-Bulan Al-Quran Kali Ke-6 Peringkat Negeri Pulau Pinang 2015 sambil diiringi Mohd. Rashid Hasnon (kiri sekali), Abdul Malik Abul Kassim (kanan sekali) dan Farizan Darus (dua dari kanan) di sini baru-baru ini.**


**SEBAHAGIAN tetamu jemputan yang hadir.**

# SKIMAS tingkat motivasi atlet negeri

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **CHAN LILIAN**

**GEORGE TOWN –** Buat julung kalinya, Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) baru-baru ini memperkenalkan insentif baru sebagai penghargaan kepada barisan atlet negeri iaitu Skim Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS).

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita Keluarga dan Komuniti, Chong Eng berkata, SKIMAS diperkenalkan bagi meningkat, menggalak serta memberi motivasi kepada para penggiat sukan negeri termasuk barisan atlet yang berentap dalam kejohanan-kejohanan peringkat kebangsaan serta antarabangsa yang diiktiraf badan induk sukan Malaysia.

"SKIMAS bertindak sebagai garis panduan Kerajaan Negeri untuk menetapkan kadar insentif kewangan yang bakal disumbangkan kepada atlet yang berjaya memenangi pingat di persada sukan tanah air dan antarabangsa seperti Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia, Sukan SEA, Sukan Paralimpik dan Sukan Orang Pekak.

"Malah, dalam mendokong taraf kesaksamaan, para atlet orang kurang upaya (OKU) yang telah memenangi pingat dalam Sukan Asia Para Games, Incheon, Korea 2014, Sukan Orang Pekak Malaysia (SOPMA) Ke-18, Melaka dan Paralimpiad 2014, Perlis juga diberi pengiktirafan serta insentif kewangan oleh Kerajaan Negeri," katanya pada sidang akhbar Majlis Penyampaian SKIMAS Kepada Barisan Atlet dan Wakil-wakil Berkelayakan di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis, Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng.

Menurut Guan Eng, secara keseluruhan, Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan SKIMAS berjumlah RM170,800 pada majlis penyampaian berkaitan.

"Walaupun insentif berbentuk kewangan merupakan sebahagian pendorong kepada para atlet untuk mengekal dan meningkatkan prestasi masing-masing, saya pasti, kepuasan yang dirasai ketika bergelar juara adalah lebih bermakna.

"Harap SKIMAS ini dapat menjadi dorongan kepada anda (penerima) untuk terus berjuang, kerana kita (Kerajaan Negeri) tidak mahu anda semua (para penerima) menjadi jaguh kampung, sebaliknya, mampu menjadi jaguh negara dan dunia," seru beliau.

Bagi pemain Sepak Takraw kebangsaan, Mohamad Syahir Mohd. Rosdi, 19, yang memperoleh insentif bernilai RM2,400 hasil kemenangan pingat Gangsa pada kejohanan Sukan Asia Incheon, beliau memuji SKIMAS yang diperkenalkan Kerajaan Negeri.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana secara tidak langsung mengiktiraf perjuangan atlet seperti kami dalam memartabatkan sukan di peringkat tertinggi.

"Selepas menerima insentif ini, ianya akan menguatkan lagi semangat atlet untuk mencapai kejayaan di samping mengharumkan nama negara dan negeri," ujarnya yang berasal dari Air Itam di sini.

Pada penghujung tahun lalu, Mohamad Syahir turut mengharumkan nama negara apabila berjaya menyumbang tenaga dengan menewaskan regu seteru utama sepak takraw iaitu Thailand dalam Kejohanan Sepak Takraw Dunia anjuran Pertubuhan Sepak Takraw Antarabangsa (ISTAF) di Melaka.

Seorang atlet OKU bagi acara badminton, Aris Moosa, 41, turut melahirkan raasa syukur apabila julung kali diiktiraf.

SKIMAS melayakkan Arif menerima insentif berjumlah RM500 apabila memperoleh pingat Perak dalam acara regu badminton pada SOPMA di Melaka tahun lalu.



**CHONG Eng (berdiri, sembilan dari kiri) sambil menunjukkan tanda bagus bergambar kenangan bersama-sama barisan atlet, jurulatih dan ahli-ahli keluarga pada Majlis Penyampaian SKIMAS Kepada Barisan Atlet dan Wakil-wakil Berkelayakan di sini baru-baru ini.**


**MOHAMAD Syahir Mohd. Rosdi.**


**ARIS Moosa.**

# TYT saksi ZPP terima RM1.1 juta zakat Bank Rakyat




DR. Abdul Rahman Abbas (tengah) diiringi Hasan Malek (tiga dari kiri), Abdul Malik Abul Kassim (tiga dari kanan) dan Mohd. Salleh Man (dua dari kanan) merakamkan gambar kenangan selepas Majlis Penyerahan Cek Replika Bank Rakyat kepada ZPP di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas baru-baru ini menyaksikan penyampaian cek replika RM1,111,036 zakat perniagaan Bank Rakyat bagi tahun 2014 kepada Zakat Pulau Pinang (ZPP), di kediamannya, Seri Mutiara di sini baru-baru ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Datuk Sri Hasan Malek sendiri menyerahkan cek replika tersebut kepada wakil ZPP, iaitu Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan) serta Sohibus Samahah Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor (Mufti Kerajaan Negeri) turut hadir pada majlis ringkas tersebut.

Hadir sama, Pengarah Urusan ZPP, Dr. Azman Abdul Somat, Datuk Sazali Hussein (Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, JHEAIPP) serta beberapa Ahli Lembaga Pengarah bagi ZPP.

Difahamkan, Bank Rakyat ditubuhkan pada 28 September 1954 dan kini merupakan bank koperasi terbesar di tanah air dengan pemilikan aset berakhir pada bulan Disember 2013 adalah sebanyak RM82.88 bilion.

Dalam aspek kewangan pula, Bank Rakyat mencatatkan keuntungan sebelum cukai dan zakat sebanyak RM2.16 bilion bagi tahun kewangan berakhir pada 2014.

## Bela asnaf *maqasid syariah* zakat – YDP MAINPP

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



MOHD. Salleh Man (kanan) meramahi salah seorang penerima pada Majlis Penyerahan Bantuan Daripada Sumber Zakat ZPP Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

**PENANTI** – Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) akan terus membela golongan asnaf terpilih melalui agihan daripada sumber zakat, walaupun pembangkang Pulau Pinang kian menggambarkan kononnya Kerajaan Negeri sekarang cuba menindas umat Islam di negeri ini.

Yang di-Pertua MAINPP, Dato' Mohd. Salleh Man berkata demikian pada Majlis Penyerahan Bantuan Daripada Sumber Zakat ZPP Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

"*Maqasid syariah* (objektif pensyariatan) zakat ini bukan sekadar untuk menyucikan harta tiap-tiap kita sebagai umat Islam, tetapi, untuk membersihkan jiwa, dan yang lebih penting adalah untuk membina hubungan kemanusiaan sesama ummah dengan membela golongan asnaf-asnaf yang layak.

"Dan, pada hari ini, sebanyak RM239,950 daripada sumber zakat akan diagihkan kepada 239 penerima pelbagai ketegori, sebagai pembelaan ummah atas pelbagai keperluan mereka terpilih ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir selepas berucap pada majlis yang dilangsungkan di Masjid Jamek Taman Guar Perahu di sini baru-baru ini.

Pengurus Besar Zakat Pulau Pinang (ZPP), Dr. Azman Abdul Somat dan Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid Jamek Taman Guar Perahu, Ustaz Abu Bakar Bakilani turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, beberapa Ahli Lembaga Pengarah ZPP, antaranya Ir. Ahmad Zakiyuddin Abd. Rahman, Datuk Mustafa Kamal Yusoff dan Rahmah Md. Isa.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, iaitu Ahli Parlimen Permatang Pauh turut hadir memberi ucapan serta meramahi golongan penerima agihan daripada sumber zakat.

Difahamkan, sebanyak RM152,800 daripada sumber zakat diagihkan sebagai bantuan sara hidup kepada 163 individu, manakala, 65 penerima lain menerima bantuan permulaan masuk ke universiti awam yang keseluruhan berjumlah RM65,850.

ZPP turut mengagihkan RM18,000 sebagai bantuan perubatan kepada lapan penerima dan tiga penerima lain menerima bantuan persekolahan sebanyak RM3,300.

Jumlah kutipan zakat fitrah dan korporat di negeri ini bagi tahun 2014 dianggarkan berjumlah RM92 juta.



DR. Wan Azizah Wan Ismail (tunduk, bertudung biru) beramah-mesra dengan sebahagian jemputan.

## Terima 5 pensijilan, MPSP tersenarai dalam MBOR



MAIMUNAH Mohd. Sharif dan warga kerja MPSP sambil menunjukkan pensijilan dimenangi bergambar kenangan dengan Ketua Menteri serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Gambar : **LAW SUUN TING**

**SEBERANG JAYA** – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mendapat pengesahan disenarai dalam *The Malaysia Book of Records* (MBOR) pada 13 April lepas, sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama yang menerima lima Pensijilan Sistem Pengurusan berteraskan kualiti.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, pensijilan berkaitan adalah Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 (QMS), Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2004 (EMS), Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan OHSAS 18001:2007 (OSHMS), Sistem Pengurusan Tenaga ISO 50001:2011 (EnMS) dan Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti 5S (QEMS).

"Selain dari penyenaraian di dalam *Malaysia Book of Records*, MPSP juga telah menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) dengan bandaraya Seoul di Korea mengenai dasar alam sekitar dan pertukaran teknologi pada 9 April lepas," jelasnya pada sidang media bersama-sama Ketua Menteri di Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin, Datuk Rosli Jaafar (Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, PDC), Wong Hon Wai (Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri), Dr. Norlela Ariffin (ADUN Penanti), Dato' Mansor Othman (Pengarah Yayasan Islam Pulau Pinang) dan Omar Hassan (Ahli Majlis MPSP) serta Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud antara pemimpin Kerajaan Negeri yang hadir pada sidang media tersebut.

Hadir sama, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, iaitu ADUN Kajang yang juga Ahli Parlimen Permatang Pauh.

Menurut Maimunah, perjanjian bersejarah dengan Seoul itu bakal menyaksikan bahawa kedua-dua bandar berkongsi kepakaran dan pengalaman dalam hal ehwal pengurusan sisa, serta polisi sisa menjadi tenaga yang diperbaharui.

Maimunah memberitahu bahawa beliau pada 8 hingga 12 April lepas dipilih mewakili Asia Tenggara dengan menghadiri Kerajaan Tempatan untuk Kelestarian (ICLEI) Kongres Dunia 2015 di Korea dengan memeterai suatu perjanjian persefahaman MoU berwajib dengan Datuk Bandar Seoul di sana.

# Jangan anak tiri rakyat P. Pinang dalam pembekalan rumah - Exco

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Dr. Ali Hamsa yang baru dilantik sebagai Pengerusi Projek Perumahan 1Malaysia (PR1MA) digesa menyatakan pendirian yang lebih konsisten mengenai rancangan Kerajaan Pusat membina rumah mampu milik berwajib di Pulau Pinang.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo memberitahu, gesaan tersebut dibuat melalui suatu surat rasmi kepada Ali baru-baru ini.

"Dalam surat itu, saya menuntut penjelasan mengenai status pelaksanaan PR1MA kerana dia (Ali Hamsa) adalah Pengerusi (PR1MA) yang baru.

"Sebab utama adalah sebelum dia (Ali Hamsa), terdapat pelbagai kenyataan daripada beberapa wakil Kerajaan Persekutuan yang semuanya tak konsisten," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, dalam jawapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim kepada Ahli Parlimen Bagan, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada 25 November tahun lepas, antara lain menyebut telah mengenalpasti 20, 121 hektar tanah di Gelugor, Balik Pulau dan Teluk Kumbar untuk 6,100 perumahan PR1MA, namun, tiada maklumat konkrit hingga kini.

Bahkan, beliau memberitahu, Shahidan dilaporkan turut mengaku bahawa suatu projek perumahan yang terdiri daripada 267 unit PR1MA untuk rakyat Pulau Pinang telahpun mendapat kelulusan kebenaran merancang daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini.

"Apa yang penting ialah garis masa pelaksanaan dan penyampaian projek perumahan PR1MA untuk rakyat Pulau Pinang.

"Malangnya, apabila disemak dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), tiada apa-apa permohonan daripada pihak PR1MA," tegasnya.

Justeru, Jagdeep memberitahu, Ali digesa menjelaskan secara terperinci mengenai lokasi cadangan pemajuan PR1MA, serta tempoh masa untuk Kerajaan Pusat mendapatkan kelulusan kebenaran merancang daripada PBT dan waktu memulakan kerja-kerja pembinaan fizikal berwajib di negeri ini.

"Maka, saya menyeru Kerajaan Persekutuan, khususnya Pengerusi PR1MA yang baru, jika betul-betul ingin membina perumahan tersebut di Pulau Pinang, eloklah datang bersemuka dengan Kerajaan Negeri dan beritahu permasalahan yang dihadapi untuk diselesaikan demi kepentingan umum," tegas beliau lagi.

Terdahulu, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan dalam satu mesyuarat pada 8 Februari tahun lepas turut mengesahkan Kerajaan Pusat akan membina unit rumah PR1MA di negeri ini, namun Kerajaan Negeri sehingga kini masih tidak mendapat maklum balas secara terperinci mengenai rancangan pemajuan berwajib tersebut.

Lanjutan itu, Jagdeep dalam satu surat rasmi bertarikh 14 Februari tahun lepas turut menyatakan komitmen untuk bekerjasama demi memastikan rancangan Kerajaan Pusat membina unit rumah PR1MA di negeri ini sesegera mungkin.

"Kerajaan Persekutuan pada pengumuman belanjawan lepas menyatakan bahawa sebanyak RM1.3 bilion diperuntukkan untuk membina 80,000 unit PR1MA di negara ini, saya berharap manfaatnya dapat dikongsi di Pulau Pinang kerana Pulau Pinang merupakan penyumbang cukai ketiga paling tinggi untuk negara.

"Dia (Ali Hamsa) wajar bersikap adil dengan rakyat Pulau Pinang, kerana rakyat Pulau Pinang pun adalah warganegara Malaysia, dan janganlah dianaktirikan dari segi pembekalan perumahan rumah mampu milik di bawah PR1MA," kata Jagdeep pada kenyataan terbarunya.




**JAGDEEP Singh Deo menunjukkan laporan sindiket mendapatkan rumah kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik melibatkan kutipan wang pada sidang media di sini baru-baru ini.**

Dalam perkembangan berkaitan, Jagdeep dalam sidang media berasingan sebelum ini turut mengingatkan orang ramai supaya tidak tertipu dengan sindiket tertentu dalam mendapatkan rumah kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik melibatkan kutipan wang.

Beliau berkata demikian sebagai respons pada sebuah akhbar berbahasa Inggeris yang melaporkan beberapa warganegara di luar negeri mengaku ditipu antara RM2,500 hingga RM7,000 untuk mendapatkan unit PR1MA di negeri ini.

"Sebagai Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) yang perihatin, kita tidak mengutip satu sen pun dalam membuat permohonan bagi ketiga-tiga kategori rumah yang disebutkan," jelas beliau.

Serentak itu, Jagdeep turut merakamkan ucapan takziah atas pemergian bekas Pengerusi PR1MA, Allahyarham Tan Sri Dr. Ir. Jamaluddin Jarjis yang terlibat dalam satu tragedi kemalangan udara baru-baru ini.

## Kompleks Sukan Bandaraya siap tempoh 20 bulan

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**



**LAKARAN grafik kolam renang bersaiz olimpik yang bakal dibina.**




**LAKARAN grafik rupa bentuk bangunan Kompleks Sukan Bandaraya, Relau.**

**PAYA TERUBONG –** Sebagai komitmen Kerajaan Negeri dalam memajukan negeri Pulau Pinang ke arah bandaraya bertaraf antarabangsa, sebuah Kompleks Sukan Bandaraya membabitkan kawasan pembangunan seluas 2.17 ekar dengan kos RM21.4 juta bakal disiapkan dalam tempoh 20 bulan di Relau di sini.

Perkara tersebut diumumkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada Majlis Pecah Tanah Kompleks Sukan Bandaraya baru-baru ini.

Katanya, kompleks tersebut bakal dilengkapi pelbagai kemudahan rekreasi yang selesa antaranya, sebuah kolam renang bersaiz olimpik, kolam menyelam (1), gelanggang badminton (10), kafeteria, *'pro shop'*, bilik gimnasium, tempat letak kereta dan lain-lain.

"Kompleks Sukan Bandaraya ini direkabina berdasarkan *Green Building Index* (GBI) *'rating tool'* dan bermatlamat untuk mendapat pengiktirafan bangunan hijau daripada agensi pengiktirafan bertauliah.

"Malah, syabas dan tahniah kepada pihak MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) kerana projek ini telah dilaksanakan secara *'in-house'* dari peringkat reka bentuk sehinggalah siap kerja pembinaan.

"Segala kajian-kajian dan laporan-laporan GBI juga dilaksanakan secara dalaman oleh MBPP sendiri tanpa melantik fasilitator GBI yang secara tidak langsung menunjukkan bahawa MBPP mulai memiliki kepakaran sendiri untuk melaksanakan projek awam bertaraf antarabangsa," ucap Guan Eng.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas, dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin; Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ram Karpal Singh dan Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail.

Kemudahan-kemudahan tambahan lain yang bakal melengkapkan Kompleks Sukan Bandaraya tersebut adalah seperti dua lot parkir bagi orang kurang upaya (OKU), ruang parkir basikal (35) dan ruang parkir keluarga.

Dalam pada itu, menurut Patahiyah, kompleks sukan berkaitan bakal menjadi pusat pembangunan atlet seperti sukan renang dan badminton terutamanya dalam melahirkan bakat-bakat baru.

Jelas beliau, melalui tender terbuka, syarikat pemaju, Focus Murni Sdn. Bhd. dianugerahkan kontrak berkenaan dengan ketetapan untuk menyiapkan projek berkaitan dalam tempoh masa 20 bulan.

# P. Pinang, tiada tempat untuk pengamal rasuah - KM

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**SUNGAI PINANG** – Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyifatkan bahawa Malaysia mampu menjadi 'lebih baik' dalam pelbagai aspek sekiranya kekayaan negara diagihkan secara saksama kepada rakyat.

"Sumber ekonomi perlu dikongsikan secara adil dan bukan hanya dimonopoli oleh pihak tertentu. Siapa jujur, maka dia mempunyai tempat di Pulau Pinang dan tiada tempat untuk orang malas serta pengamal rasuah di sini (Pulau Pinang).

"Kita (Pulau Pinang) juga menekankan pembangunan generasi muda bagi memastikan masa depan Pulau Pinang yang lebih cerah, maju dan mencapai taraf antarabangsa," ucapnya pada Majlis Memoriam Sempena Ulang Tahun Pertama Pemergian Mendiang Karpal Singh di Persiaran Karpal Singh di sini baru-baru ini.

Hadir sama, ahli keluarga mendiang, barisan Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Majlis pihak berkuasa tempatan (PBT).

Serentak itu, anak sulung mendiang Karpal, Jagdeep Singh Deo yang juga Exco Perancang Bandar & Desa dan Perumahan mencadangkan supaya menamakan empat tiang yang terdapat di Persiaran Karpal Singh di sini sebagai empat teras perjuangan bekas Ahli Parlimen Bukit Gelugor berkaitan.

"Teras perjuangan yang dimaksudkan adalah keberanian *(courage)*, kekuatan *(strength)*, prinsipal *(principle)* dan harapan *(hope)*.

"Di samping itu, saya mewakili pihak keluarga turut merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri yang turut sama merealisasikan penganjuran memoriam ini," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Datuk Keramat.




**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri meletakkan kalungan bunga sebagai tanda penghormatan kepada mendiang Karpal Singh pada majlis memoriumnya di sini baru-baru ini.**

Jagdeep dalam pada itu turut mengajak rakyat untuk bangun dan menyambung perjuangan menegakkan keadilan yang sering diperjuangkan oleh mendiang bapanya.

Sebelum itu, acara berbasikal dari Lebuhraya Thein Teik ke Persiaran Karpal Singh turut disertai barisan kepimpinan Kerajaan Negeri termasuk Guan Eng.

## Ubah sikap, pulihara Sungai Pinang - Exco

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



**PERANGKAP sampah yang dipasang di Sungai Pinang di sini.**

**SUNGAI PINANG** – Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow menyeru warga Pulau Pinang terutamanya yang menetap berhampiran Sungai Pinang serta sektor industri di sini supaya peka dan mengubah sikap bagi meningkatkan kualiti kebersihan saliran berkenaan.

Katanya, tiada gunanya sekiranya usaha Kerajaan Negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) membelanjakan sejumlah wang, namun tiada perubahan sikap.

"Kita perlu tangani pencemaran ini bermula dari sumber pencemaran Sungai Pinang. Ini kerana, walau apa pun isu yang melanda, selagi tidak ditangani dari sumber, semua usaha ini akan gagal.

"Pihak Kerajaan Negeri serta JPS tidak akan dan pernah berputus asa untuk mengawal pencemaran yang sering dilaporkan demi mencapai piawaian (sungai) memuaskan hati," ujar beliau ketika mengadakan lawatan sebagai inisiatif meninjau keberkesanan perangkap sampah yang dipasang di Sungai Pinang baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri sungai Pinang, Lim Siew Khim, Timbalan Pengarah JPS, Khuzai Hussain dan Jurutera JPS Daerah Timur Laut, Haslinda Hamran.

Menurut Haslinda, JPS membelanjakan kira-kira RM200,000 setahun bagi membersihkan lima perangkap sampah yang dipasang di Sungai Pinang.

"Pada tahun 2013, sebanyak 15 tan sampah dipungut daripada perangkap sampah, 2014 (50 tan) dan bagi Januari hingga Mac 2015 (50.158 tan)," jelasnya.

Tambah beliau, kutipan sampah dijalankan setiap hari melibatkan dua sesi iaitu 9 pagi hingga 11 pagi dan 2 petang hingga 4 petang.

"Bagi masa terdekat, JPS akan mengorek lumpur-lumpur di tebing Sungai Pinang bagi melancarkan aliran air serta membersihkan sisa-sisa sampah yang tersangkut," kata Haslinda.

Mengulas mengenai perangkap sampah yang dinaiktaraf, Khuzai memberitahu bahawa hasilnya kini sudah boleh dinilai.

"Pada tahun 2014, rumah pam JPS kerap mengalami kerosakan akibat tersangkut sampah, kini pada tahun 2015, kerosakan sebegitu belum terjadi dan pungutan sampah didapati telah meningkat.

"Keadaan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa perangkap sampah yang dinaiktaraf ini adalah berkesan," ujarnya.



**DUA pekerja memungut sampah-sarap di sepanjang tebing Sungai Pinang.**

## Pajakan tiga pihak harap tingkat hasil TKPM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**



**DR. Afif Bahardin (tiga dari kiri) bersama-sama Abu Jamal Nordin (kiri sekali) diberi penjelasan oleh Boey Tze Nin (tiga dari kanan) mengenai produk *"mushgrow"* selepas selesai Majlis Menandatangani Perjanjian Pajakan TKPM di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** – Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berharap pajakan tiga pihak di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dekat Juru, dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Tengah akan meningkatkan lagi hasil pertanian negeri untuk pemakanan.

"Memandangkan projek TKPM ini amat penting dalam usaha Kerajaan Negeri meningkatkan hasil pengeluaran pertanian negeri untuk pemakanan, CMI telah berusaha untuk memenuhi kekosongan tapak di kawasan projek ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada Majlis Menandatangani Perjanjian Pajakan TKPM di sini baru-baru ini.

Perjanjian berkaitan adalah antara Kerajaan Negeri diwakili Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI), S. Bharathi dengan tiga pengusaha, iaitu Pengarah Syarikat Gourmet One Food Services (M) Sdn. Bhd., Farizul Arif Abd. Mutalib, Boey Kang Nin (Pengarah Syarikat EKO Aquaculture Sdn. Bhd.) dan Boey Tze Nin (Pengarah Syarikat EKO Agro Biotech Sdn. Bhd.).

Timbalan Setiausaha (Pembangunan) Kerajaan Negeri merangkap Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Datuk Abu Jamal Nordin turut menyaksikan majlis pemeteraian perjanjian pajakan tersebut.

Difahamkan, Syarikat Gourmet One Food Services (M) Sdn. Bhd. pernah memeterai satu perjanjian pajakan dengan CMI selaku pengurus tapak TKPM pada tahun 2013, untuk mengusahakan projek pembenihan ikan dan udang marin.

Syarikat tersebut mendapat tambahan tapak seluas dua ekar lagi pada perjanjian pajakan kali ini dengan keseluruhan kawasan usahawan adalah kira-kira lima ekar.

Manakala, pajakan oleh Syarikat EKO Aquaculture Sdn. Bhd. adalah bertujuan untuk menjalankan projek penyelidikan serta pembangunan (R&D) bagi pembenihan ikan dan udang dengan menggunakan sistem moden *'Bio Floc'*.

Syarikat EKO Agro Biotech Sdn. Bhd. pula menjalankan projek usahawan tani muda serta R&D cendawan dan memasarkan produk komersial yang dikenali sebagai *"mushgrow"*.

TKPM dicadangkan dalam Pelan Pembangunan Pertanian Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) pada tahun 2005 demi memenuhi keperluan makanan domestik serta eksport ke luar negeri.

Sehingga kini, terdapat lapan pengusaha zon pertanian, pengusaha zon penternakan (1) dan pengusaha zon perikanan (3) bagi TKPM Juru.

# Pesakit buah pinggang bertambah membimbangkan - Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PULAU BETONG –** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, Kerajaan Negeri turut bimbang dengan jumlah pesakit buah pinggang yang kian meningkat saban tahun, sehingga angka 31,637 orang direkodkan pada penghujung bulan Disember tahun lepas.

Justeru, beliau mengulangi hasrat Kerajaan Negeri untuk menubuhkan Pusat Dialisis CAT di semua daerah, sebagaimana yang telahpun dibuka pada peringkat Daerah Barat Daya di Balik Pulau.

"Kerajaan Negeri turut menyedari bahawa Pusat Dialisis CAT ini sangat diperlukan, kerana kita bimbang dengan bilangan pesakit buah pinggang saban tahun meningkat.

"Bukan setakat itu sahaja, Program Saringan Mamogram Percuma Kerajaan Negeri, *Mammo Penang* untuk semua pengundi wanita berdaftar berusia 35 tahun dan ke atas di negeri ini, kerana kita sedar bahawa satu daripada setiap 20 wanita di negara ini turut berisiko untuk mengidapi kanser payudara," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya kepada wartawan.

Afif berkata demikian pada Hari Bersama Pesakit 2015 Peringkat Negeri di Pusat Dialisis CAT Pulau Pinang, sempena Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia di sini baru-baru ini.

Tiga Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK), Jamaluddin Said (Bayan Lepas), Halil Sabri Hamid (Teluk Bahang) dan Mohd. Tuah Ismail (Pulau Betong) dan Dato' Abdul Halim Hussain (bekas Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ) turut hadir pada majlis tersebut.

Difahamkan, kira-kira 6,000 pesakit direkodkan memulakan dialisis pada saban tahun di negara.

Bagi tiap-tiap sejuta rakyat Malaysia, dianggarkan 200 daripadanya merupakan pesakit buah pinggang, manakala, 1,065 pesakit lain telahpun menjalani rawatan dialisis buah pinggang, diabetes, tekanan darah tinggi dan obesiti.



DR. Afif Bahardin (dua dari kiri) menyantuni salah seorang pesakit buah pinggang pada Hari Bersama Pesakit 2015 Peringkat Negeri di Pusat Dialisis CAT Pulau Pinang, sempena Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia di sini baru-baru ini.



RAMLI Md. Ismail (kiri sekali) menerima kad OKU daripada Said Siduk (dua dari kanan) di pejabat JKM di sini.

## Peroleh kad OKU, harap dapat kerja sesuai – Ramli

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** "Hari ini, saya bersyukur kerana akhirnya saya berjaya memperoleh kad OKU (orang kurang upaya) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)," luah Ramli Md. Ismail, 62, yang mengalami kecacatan fizikal pada tangan kanan ekoran terlibat dalam kejadian kemalangan jalan raya September 2014.

Beliau berkata, 'perjuangan' beliau untuk memperoleh kad berkaitan adalah hasil bantuan rakan-rakannya yang turut menggunakan laman sosial berhubung kes rayuannya.

"Saya ingin rakamkan ucapan terima kasih kepada JKM kerana akhirnya mereka (JKM) mengeluarkan kad ini kepada saya.

"Walaupun saya sendiri tidak tahu akan masa depan saya, sekurang-kurangnya dengan kad ini, ia dapat memudahkan sebahagian urusan kelak," katanya ketika ditemui di Kompleks Masyarakat Penyayang selepas selesai Majlis Penyerahan Kad OKU kepadanya di sini baru-baru ini.

Dalam kejadian September tahun lalu di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu (berhampiran Jambatan Pulau Pinang menuju ke George Town) di sini, Ramli yang merupakan pemandu bas kilang turun dari kenderaan dipandu bagi memeriksa kerosakan yang dialami.

Sedang asyik menjalankan pemeriksaan, beliau secara tiba-tiba didatangi sebuah bas kilang dari arah belakang lalu melanggarnya.

Ekoran kejadian itu, tangan kanan Ramli hilang upaya dipercayai kesan daripada urat terputus, tangan separa hancur sehingga menyebabkan tangannya tidak boleh digenggam.

Dalam pada itu, Pengarah Jabatan kebajikan Masyarakat (JKM) Pulau Pinang, Said Siduk ketika ditanya mengenai kelewatan mengeluarkan kad OKU kepada Ramli menyatakan bahawa ia adalah bukan disengajakan.

"JKM sebenarnya tidak mempunyai masalah untuk mengeluarkan kad berkenaan, paling cepat, satu hari pun kita (JKM) mampu untuk isukan.

"Sebelum ini, apabila meneliti laporan perubatan, seolah-olah ia tidak menyatakan sebarang kecederaan serius sehingga menyebabkan perkara terbabit ditangguhkan.

"Sekiranya laporan perubatan 'kukuh' sebagaimana yang dikemukakan kemudian, JKM langsung tiada masalah untuk mengeluarkan ia (kad) pada kadar segera," jelas Said.

Sebagai makluman, Ramli yang menetap di Pangsapuri Mutiara Idaman 1, Jelutong menyeru mana-mana pihak yang mampu menawarkan pekerjaan kepada beliau memandangkan pekerjaan kini tidak lagi 'sesuai' dengan keupayaannya.

Bagi pihak yang ingin membantu terutamanya menawarkan pekerjaan kepada Ramli, hubunginya pada talian 017- 584 5062.



RAMLI Md. Ismail menunjukkan kecederaan dialami.



# PR1MA, wajar liputi kepentingan P. Pinang - Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Masalah rumah mampu milik yang didakwa tidak mencukupi di Pulau Pinang termasuk di kawasan Parlimen Permatang Pauh sebenarnya disebabkan keengganan Kerajaan Pusat sejak tahun 2008 untuk membina walaupun seunit kediaman di bawah Projek Perumahan 1Malaysia (PR1MA) untuk rakyat di negeri ini.

Malah, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, kenyataan mengelirukan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan pada musim Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Permatang Pauh baru-baru ini berkemungkinan untuk menutup kelemahan agensi-agensi Kerajaan Pusat, seperti JKP Sdn. Bhd. (JKPSB) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) yang dibuktikan membina rumah mewah di atas tanah untuk tujuan perumahan awam di negeri ini.

"Sehingga hari ini, tidak ada satu pun permohonan secara rasmi dikemukakan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan sedemikian (pembinaaan rumah PR1MA).

"Apabila diteliti, permohonan oleh agensi-agensi Persekutuan tersebut sendiri, didapati bahawa projek yang dicadangkan adalah untuk seunit perumahan yang mencecah RM1.8 juta di bahagian pulau dan RM800,000 di bahagian Seberang Perai.

"Apakah harga RM1.8 juta dan RM800,000 di bahagian pulau dan Seberang (Seberang Perai) ini, adalah merupakan perumahan mampu milik ala BN (Barisan Nasional)" tanya Jagdeep kepada Abdul Rahman.

Menurut Jagdeep, sepatutnya peruntukan RM1.3 bilion dana awam untuk membina 80,000 unit PR1MA wajar turut meliputi kepentingan Pulau Pinang, memandangkan rakyat di negeri ini merupakan menyumbang cukai ketiga tertinggi kepada Kerajaan Pusat.

"Adalah jelas bahawa BN telah gagal sama sekali dan menganak-tirikan negeri Pulau Pinang berkenaan penyediaan perumahan mampu milik di negeri Pulau Pinang," tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat dalam kenyataan bertulisnya baru-baru ini.

Sebelum itu, beliau menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri sudahpun merancang untuk menyediakan sebanyak 22,512 unit perumahan mampu milik untuk warga Pulau Pinang di semua lima daerah di negeri ini.

Malahan, daripada kesemua rancangan perumahan tersebut, katanya, tiga projek telahpun dimula (*commencement-of-work),* iaitu, Fasa 1 Bandar Cassia di Seberang Perai, Teluk Kumbar dan S.P. Chelliah di sebelah Pulau, masing-masing pada Disember 2013, Julai 2014 dan Disember 2014.

"Ketiga-tiga projek itu masing-masing dijangkakan disiap pada tahun 2016, 2017 dan 2018.

"Berikut adalah butiran terperinci mengenai unit-unit perumahan mampu milik yang bakal dibina oleh Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) atau usahasama swasta di Pulau Pinang:-

| Bil. | Nama Projek | Daerah | Unit Kos Rendah | Unit Kos Sederhana Rendah | Unit Mampu Milik | Jumlah | Tarikh Mula Kerja |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Teluk Kumbar | DBD | - | 346 | 348 | 694 | Julai 2014 |
| 2 | SP Chelliah | DTL | - | 770 | 1,323 | 2,093 | Dis. 2014 |
| 3 | Lebuh Cecil | DTL | - | 348 | - | 348 | Sept. 2015 |
| 4 | Jelutong | DTL | - | 556 | - | 556 | Dis. 2015 |
| 5 | Sandiland | DTL | - | 351 | 482 | 803 | Jun 2016 |
| 6 | Bandar Cassia Fasa 1 | SPS | - | 149 | 371 | 520 | Dis. 2013 |
| 7 | Kampung Jawa | SPU | - | 353 | 354 | 707 | Nov. 2014 |
| 8 | Bandar Cassia Fasa 4 | SPS | - | 149 | 371 | 520 | Ogos 2015 |
| 9 | Ampang Jajar | SPU | - | 600 | 600 | 1,200 | Nov. 2015 |
| 10 | Mak Mandin | SPU | 187 | - | - | 187 | Dis. 2015 |
| 11 | Bandar Cassia Fasa 7 | SPS | - | 149 | 371 | 520 | Feb. 2016 |
| 12 | Bandar Cassia Fasa 8 | SPS | - | 149 | 371 | 520 | Ogos 2016 |
| 13 | Bandar Cassia Fasa 5 hingga 20 | SPS | - | 2,776 | 6,944 | 9,720 | Mulai 2017 |
| 14 | Ujung Batu | SPU | 600 | - | 1,108 | 1,708 | Dis. 2016 |
| 15 | Bukit Mertajam | SPT | - | 408 | 408 | 816 | Dis. 2016 |
| 16 | Juru | SPT | - | 800 | 800 | 1,600 | Jun 2017 |
| | | **JUMLAH** | **787** | **7,874** | **13,851** | **22,512** | |

# Projek sambungan Jalan Bunga Hinai jangka siap Feb. 2016

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**TANJONG TOKONG –** Setelah tertunda sejak 2012, projek jalan sambungan sepanjang 150 meter menghubungkan Jalan Bunga Hinai dan Jalan Bunga Kaca Piring berhampiran Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Hun Bin, di sini akhirnya bermula.

Majlis pecah tanahnya disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, projek jalan sambungan berkaitan sebelum ini dirancang dan melalui proses tender terbuka oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang pada tahun 2012, tetapi terpaksa ditunda proses pelantikan kontraktor kerana masalah setinggan.

Katanya, sebagai sebuah kerajaan berjiwa rakyat, Kerajaan Negeri mengambilkira keperluan pemindahan 10 keluarga membabitkan enam rumah di atas jajaran projek berkenaan.

"Kita (Kerajaan Negeri) menangguhkan projek tersebut kerana melibatkan pemindahan dan penempatan semula keluarga-keluarga terbabit di perumahan kos rendah Taman Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau dan *i-Park* di Jalan Dato' Ismail Hashim.

"Proses penempatan semula ini telah selesai sepenuhnya pada akhir November 2014 lalu dengan pemberian sebuah kediaman secara percuma kepada pemilik rumah tunggal dan pengurangan separuh harga bagi keluarga tumpangan," katanya pada Majlis Pecah Tanah dan Tawaran Semula Projek Pembinaan Jalan Sambungan di Jalan Bunga Hinai dengan Jalan Bunga Kaca Piring Sekitar SJKC Hun Bin, Daerah Timur Laut (DTL) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air & Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi), Lim Hock Seng; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) merangkap Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Datuk Abu Jamal Nordin, wakil-wakil JKR Pulau Pinang dan ahli-ahli Lembaga Pengurusan SJKC Hun Bin.

Selain itu, Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM32.7 juta bagi pelaksanaan enam projek pembinaan dan penaiktarafan jalan dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM86.3 juta untuk tempoh tiga tahun.

"Empat projek akan dilaksanakan di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), masing-masing sebuah projek di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) dan DTL iaitu projek jalan sambungan ini," katanya yang turut meninjau tapak projek di sini.



**KETUA Menteri ketika meninjau lokasi projek pembinaan jalan sambungan di Jalan Bunga Hinai dengan Jalan Bunga Kaca Piring di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Hock Seng ketika ditemui berkata, projek jalan sambungan tersebut bukan sahaja bakal memberi faedah kepada penduduk di kawasan sekitar termasuk warga SJKC Hun Bin, malah juga dapat memendekkan perjalanan dari Jalan Bunga Hinai ke Jalan Bunga Kaca Piring.

"Projek jalan sambungan yang menelan kos berjumlah RM1,878,000 ini diberikan kepada kontraktor, Syarikat Syifa Bina Sdn. Bhd. dan dijadualkan siap dalam tempoh 52 minggu iaitu pada 15 Februari 2016.

# Pasang GPS cegah lori buang sampah 'haram'

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Semua lori pembekal yang beroperasi sekitar Seberang Perai berkemungkinan akan dipasang dengan sistem kedudukan sejagat (GPS) tidak lama lagi demi menjejaki dalang aktiviti pembuangan sampah di ketiga-tiga daerah di sini.

Menurut Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, cadangan itu perlu dipertimbang oleh MPSP terlebih dahulu sebelum dirujuk pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

"Ini masih cadangan yang mesti diluluskan peringkat majlis (MPSP), sebelum dibawa masuk ke mesyuarat Exco Kerajaan Negeri (seterusnya) akan dikuatkuasakan.

"Semua syarikat yang terlibat dalam pengangkutan memungut sampah (serta) sisa-sia dari kilang, mereka mesti didaftar bersama MPSP...dan mereka mesti memasang GPS untuk tujuan pemantauan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu pada sidang media bersama-sama Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif di sini baru-baru ini.

Boon Poh berkata demikian selepas merasmikan Majlis Pelancaran Pertandingan Mengumpul Bahan-Bahan Kitar Semula Peringkat Sekolah-Sekolah Seberang Perai 2015 di Pasar Raya Megamall Pinang di sini.

Sebelum itu, Maimunah memberitahu bahawa saranan Boon Poh itu adalah langkah praktikal yang boleh dilakukan oleh MPSP kelak.

"Lori MPSP memang sudah ada GPS, apa yang dicadangkan oleh Exco tadi adalah lori-lori pembekal yang mengangkut barang dan sampah dari kawasan kilang ini masih belum ada GPS," ujar beliau.

Maimunah memberitahu bahawa langkah pemantauan agresif yang dilakukan MPSP sebelum ini direkodkan berjaya mengurangkan tapak pelupusan sampah haram sehingga 72 lokasi sahaja pada tahun 2014, berbanding 138 lokasi pada tahun sebelumnya.

Dalam perkembangan lain, Maimunah memberitahu bahawa MPSP mensasarkan 150 sekolah akan menyertai Anugerah Kitar Semula Peringkat Sekolah-Sekolah Seberang Perai 2015 yang buat julung kalinya diadakan pada tahun ini.

"Ini, susulan kejayaan MPSP menganjurkan Anugerah Sekolah Hijau untuk tahun ke-enam, yang disertai 106 buah sekolah rendah dan menengah pada tahun lepas sahaja (2014).

"Pemenang (Anugerah Kitar Semula) ini akan diberi ganjaran berupa alat-alat senaman *'outdoor'*," jelas Maimunah.

Pertandingan Anugerah Kitar Semula Peringkat Sekolah-Sekolah Seberang Perai 2015 berlangsung dalam tempoh 30 Mac hingga 31 Oktober depan.



**PHEE Boon Poh (barisan belakang, tiga dari kiri) dan Maimunah Mohd. Sharif (barisan belakang, dua dari kiri) bergambar bersama-sama model cilik yang memperagakan pelbagai fesyen hasil daripada bahan kitar semula pada Majlis Pelancaran Pertandingan Mengumpul Bahan-Bahan Kitar Semula Peringkat Sekolah-Sekolah Seberang Perai 2015 di sini baru-baru ini.**



# Ucapan semasa perbahasan RUU Perbekalan Tambahan (2014)

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute**

**MENURUT** hebahan Menteri Pendidikan II, sistem pendidikan negara kita bukan sahaja boleh dianggap sebagai "world-class" atau bertaraf dunia, malah setanding negara-negara maju seperti United Kingdom, Jerman dan Australia.

Meskipun beliau berpendapat bahawa kualiti pendidikan kita sudah mencapai tahap yang begitu tinggi, saya tetap ingin membangkitkan beberapa perkara yang saya rasa harus diberi perhatian yang mendalam.

**Cetak rompak oleh Kementerian Pendidikan**

Tuan yang dipertua,

Sememangnya Malaysia bertaraf dunia dalam beberapa bidang, umpamanya dalam sukan badminton dan skuasy di mana dua anak negeri Pulau Pinang kini mendominasi lawan mereka di peringkat antarabangsa. Sesungguhnya, tiada sesiapa yang dapat menafikan kehebatan Dato' Lee Chong Wei dan Dato' Nicol David.

Namun, kita juga menjadi "jaguh" dalam beberapa perkara yang tidak membanggakan, seperti Indeks Kapitalisme Kroni yang diterbitkan pada tahun lepas oleh majalah ekonomi terkemuka The Economist. Dalam senarai negara-negara yang paling menggalakkan bagi ahli-ahli perniagaan yang mempunyai kabel politik, Malaysia berada di tempat ketiga di dunia.

Dalam laporan tahunan yang terbaru oleh badan pemerhati kewangan Global Financial Integrity yang berpangkalan di Washington pula, Malaysia menduduki tangga kelima di dunia bagi pengaliran keluar wang haram.

Ada seperkara lagi di mana Malaysia kuat bersaing di peringkat antarabangsa, iaitu dalam bidang cetak rompak. Menurut laporan terbaru oleh badan anti-cetak rompak antarabangsa, Business Software Alliance (BSA), 78 peratus pengguna komputer di Malaysia mengakui bahawa mereka pernah menggunakan perisian cetak rompak. Laporan yang sama juga menganggarkan nilai komersil perisian cetak rompak yang sedang digunakan di Malaysia adalah sebanyak RM2 billion. Hakikat ini menunjukkan bahawa penggunaan hasil karya orang lain tanpa kebenaran atau secara haram sudah menjadi kelumrahan dalam kalangan masyarakat kita.

Malangnya, kecenderungan terhadap cetak rompak ini sudah menyerapi Kementerian Pendidikan. Baru-baru ini, aduan telah dibuat oleh penulis tempatan, Chua Kok Yee, yang mendakwa bahawa tiga buah cerpennya yang bertajuk "Embracing Your Shadow," "Thieving Daughter" dan "Sambal without Anchovies" telah dipilih sebagai bahan pembacaan wajib untuk mata pelajaran Sastera Bahasa Inggeris SPM. Namun demikian, cerpen-cerpennya telah dicetak, diedar dan dijual tanpa sebarang perjanjian royalti dan kebenaran daripada penulis atau penerbitnya, Silverfish Books.

Ekoran daripada pendedahan Chua, dua penulis lain telah membuat tuduhan yang serupa terhadap Kementerian Pendidikan. Kee Thuan Chye, seorang seniman tempatan, telah mendakwa bahawa puisi beliau telah digunakan tanpa kebenaran manakala penulis Amerika Syarikat Robert Raymer menyatakan bahawa cerpennya yang bertajuk "Neighbours" telah digunakan dalam sukatan pelajaran Sastera Bahasa Inggeris SPM dari tahun 2008 hingga 2015 tanpa sebarang bayaran royalti.

Pada masa yang sama, seorang lagi penulis tempatan, Uthaya Sankar SB, turut mengutarakan dakwaan bahawa cetak rompak karya penulis ini juga berlaku dalam mata pelajaran Sastera Bahasa Melayu.

Saya pohon Kementerian menjawab tuduhan-tuduhan ini. Sekiranya benar, ia sungguh memalukan. Sementara kempen anti-cetak rompak giat dijalankan, nampaknya kerajaan sendiri tidak menghormati hak cipta serta hak milik intelektual penulis – tiada bezanya dengan pencetak rompak yang menjual DVD di pasar malam.

**Ketidaktentuan membelenggui sistem pendidikan**

Tuan yang dipertua,

Saya beralih pula kepada isu pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), iaitu format pembelajaran dan pentaksiran baru yang bertujuan untuk memupuk kemahiran penganalisaan, penilaian dan sintesis (penjanaan ilmu baru). Cara pembelajaran ini

Serambi PENANG INSTITUTE
making ideas work

memerlukan perkaedahan (metodologi) pemikiran kritis dan penyelesaian masalah yang berbeza daripada cara sedia ada yang berteraskan fakta dan penghafalan.

Saya difahamkan bahawa pentaksiran KBAT sepatutnya diperkenalkan dalam peperiksaan SPM mulai tahun 2017, agar masa yang mencukupi diberi untuk memastikan guru dapat dilatih untuk mengajar murid mengikut perkaedahan baru.

Namun begitu, entah bagaimana 30 hingga 40 peratus daripada soalan SPM tahun lepas telah menggunakan format KBAT, lantas menimbulkan masalah kerana murid dan guru belum lagi dididahkan kepada kaedah baru ini. Malahan, pemeriksa juga belum dilatih dan buku teks baru yang mengandungi format KBAT pun belum sempat dikeluarkan susulan pelaksanaan tiga tahun sebelum ia dijadualkan.

Akibatnya, murid tidak pasti bagaimana untuk menjawab, guru tidak pasti bagaimana untuk mengajar dan pemeriksa tidak pasti bagaimana untuk mentaksir. Justeru, adalah tidak menghairankan bahawa prestasi SPM 2014 telah menurun, dengan hanya 11,289 calon atau 2.6 peratus yang berjaya mendapat gred A dalam semua mata pelajaran, berbanding 13,970 pada tahun 2013.

Mengapakah Lembaga Peperiksaan bertindak dengan begitu tidak konsisten? Walaupun pentaksiran KBAT adalah usaha yang baik, tidakkah patut ia dilakukan dengan lebih teratur dan bukan secara tiba-tiba tanpa persediaan awal?

Masalah ketidaktentuan ini tidak terhad kepada KBAT. Menurut pekeliling Lembaga Peperiksaan pada tahun kepas, ujian amali SPM bagi mata pelajaran sains seperti Fizik, Kimia, Biologi dan Sains Tambahan sepatutnya mula dilaksanakan pada tahun ini.

Susulan daripada arahan pusat tersebut, maka sekolah-sekolah pun mula mengajar murid untuk menghadapi ujian amali sains. Pun begitu, keperluan baru ini menimbulkan masalah bagi sesetengah sekolah yang tidak lengkap peralatan makmalnya. Ada pula sekolah yang terpaksa mengumpul dana atas usaha sendiri untuk membiayai makmal sains mereka.

Dalam keadaan serba kelam-kabut ini, surat siaran Lembaga Peperiksaan yang bertarikh 20 Mac tahun ini pula memaklumkan bahawa peperiksaan pusat amali sains bagi Fizik, Kimia, Biologi dan Sains Tambahan SPM telah ditangguhkan sehingga tahun 2016.

Walaupun keputusan untuk menangguh ujian amali ini ternyata bijak, sekali lagi kita melihat berlakunya "flip-flop" dalam dasar pendidikan. Persoalannya, bagaimanakah keputusan untuk melaksanakan ujian amali boleh dibuat pada tahun lepas memandangkan banyak lagi sekolah yang belum bersedia dari segi infrastruktur dan juga sumber manusia.

Jelas, terdapat terlalu banyak ketidaktentuan dalam sistem pendidikan kita sehingga murid, guru dan pemeriksa sendiri menghadapi kekeliruan. Dasar pendidikan seharusnya konsisten dan bertujuan untuk membantu meningkatkan prestasi dan produktiviti murid



ZAIRIL Khir Johari (dua dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama Timbalan Perdana Menteri Mesir, Dr. Zaid Bahaa-Eldin.

dan guru. Namun dalam kes KBAT dan ujian amali sains, sepertimana dalam dasar PPSMI (Pengajaran dan Pembelajaran Sain dan Matematik dalam Bahasa Inggeris) dan PBS (Pentaksiran Berasaskan Sekolah) sebelumnya, dasar yang dilaksanakan lebih menambahkan beban dan kesukaran.

Oleh itu, saya merayu kepada pihak Kementerian agar murid-murid kita tidak terus dijadikan tikus makmal. Sudah setengah generasi anak kita digadaikan dengan dasar PPSMI yang tidak menjadi, janganlah biarkan ia berlaku lagi.

**Pelbagai permasalahan sekitar 1Bestarinet**

Tuan yang dipertua,

Ekoran pendedahan Laporan Ketua Audit Negara 2013 yang dibentangkan dalam dewan yang mulia ini pada tahun lepas, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) sudah memulakan penyiasatan terhadap projek 1BestariNet yang bernilai RM4.1 bilion dan merangkumi pemasangan jalur lebar berkelajuan tinggi 4G merentasi semua 10,000 sekolah di seluruh negara, serta penyediaan pelantar pembelajaran maya (VLE) ataupun Virtual Learning Environment.

Walaupun diuar-uarkan sebagai satu kejayaan besar yang mampu merubah sistem pendidikan negara, Laporan Ketua Audit Negara jelas membuktikan bahawa projek ini menghadapi pelbagai masalah pelaksanaan, penyelewengan terma kontrak serta perjanjian kontrak yang berat sebelah dan menguntungkan kontraktor YTL Communications Sdn Bhd. Di sini, saya ingin membangkitkan beberapa persoalan yang harus dijawab.

Pertama sekali, mengapakah projek ini dilaksanakan secara sekaligus di seluruh negara? Secara lazimnya, mana-mana perunding IT akan menasihatkan agar sesuatu projek berskala besar yang meliputi 10,000 tapak di setiap pelosok negara dan melibatkan berjuta-juta orang berkepentingan (stakeholders) dari pelbagai latar belakang dan kemahiran, seelok-eloknya dilaksanakan secara berperingkat. Jelas, pelaksanaan 1BestariNet adalah terlalu bercita-cita tinggi dan hakikat ini sudah dibuktikan dalam laporan audit.

Kedua, apabila projek ini dicadangkan empat hingga lima tahun dahulu, Kementerian telah membuka tender untuk penyediaan Internet jalur lebar berkelajuan tinggi bagi semua sekolah di negara kita. Kemudiannya, 19 syarikat telah mengambil bahagian dalam tender tesebut, termasuk syarikat-syarikat telekomunikasi ternama seperti Telekom Malaysia, Time dotCom, Maxis dan Celcom Axiata.

Walaupun berhadapan dengan syarikat-syarikat yang mempunyai jaringan infrastruktur yang jauh lebih luas, YTL yang merupakan syarikat baru dan kecil dalam bidang telekomunikasi pada waktu itu telah memenangi tender tersebut. Menurut laporan berita, YTL telah dianugerahkan projek tersebut berdasarkan penawaran komponen tambahan, iaitu pelantar pembelajaran maya (VLE). Akhirnya, komponen tambahan ini juga mendatangkan kos tambahan berkelala sebanyak RM250.5 juta untuk yuran pelesenan dan RM262.8 juta bagi kos pengurusan dan penyelenggaraan setiap 2.5 tahun.

Persoalannya, adakah VLE ini termasuk dalam syarat tender asal, dan jika tidak, tidakkah penawaran komponen tambahan ini melanggari syarat tender? Pada masa yang sama, Laporan Ketua Audit Negara juga menyatakan bahawa komponen VLE ini seharusnya dipisahkan daripada pemasangan jalur lebar. Apakah pandangan Kementerian mengenai perkara ini?

Ketiga, saya ingin tahu sama ada kelemahan dan ketidakpatuhan kontrak yang dibangkitkan oleh Laporan Ketua Audit Negara sudah pun ditangani? Umpamanya, hanya 88.9 peratus sekolah telah siap dipasang setakat 12 Jun 2014. Kini, adakah 1BestariNet sudah siap dipasang di semua sekolah?

Laporan Ketua Audit Negara juga mendedahkan kelemahan dalam liputan 1BestariNet. Menurut kontrak, ia seharusnya meliputi seluruh kawasan sekolah, namun audit mendapati bahawa liputan tidak menyeluruh di 58 peratus daripada 501 sekolah yang diselidik. Adakah masalah ini sudah diselesaikan?

Lagi satu masalah yang dibangkitkan adalah kelajuan jalur lebar yang kurang memuaskan dan jauh lebih rendah daripada apa yang ditetapkan dalam kontrak. Apakah status perkara ini?

Keempat, menurut laporan audit, kadar penggunaan sistem VLE adalah sangat rendah. Walaupun hampir 9,000 sekolah sudah siap dipasang dengan 1BestariNet dan setelah beratus juta ringgit dibelanjakan, kurang daripada satu peratus murid menggunakan sistem tersebut. Kini, saya menerima rungutan daripada guru bahawa mereka dipaksa untuk menggunakan sistem VLE agar statistik pendaftaran masuk dapat ditingkatkan. Apakah pandangan Kementerian?

Kelima, pemasangan menara pemancar 1BRIS atau 1BestariNet Receiver Integrated System juga menjadi satu pertikaian. Ini kerana perjanjian asal antara YTL dan Kementerian Pendidikan tidak menetapkan caj sewaan bagi penggunaan tanah sekolah untuk pemasangan menara tersebut, walaupun menara-menara tersebut turut digunakan untuk perkhidmatan komersil YTL YES 4G.

Pun begitu, Kementerian kemudiannya mengenakan sewa token sebanyak RM1,000 setahun bagi setiap tapak, walaupun Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta telah mengesyorkan kadar sewaan sebanyak RM1,200 sebulan. Dengan 3,203 menara pemancar di seluruh negara, kadar sewa murah yang diberi kepada YTL akan mengakibatkan kerugian pendapatan sebanyak RM42.92 juta setahun bagi Kementerian.

Tambahan pula, akibat kecuaian kontrak, semua caj utiliti daripada menara pemancar 1BRIS terpaksa ditanggung oleh Kementerian. Mengikut kiraan saya, kerugian yang dialami oleh Kementerian adalah mungkin mencecah RM7 juta setahun. Apakah Kementerian akan terus membayar subsidi untuk YTL?

Ekoran pusingan pertama penyiasatan PAC tempoh hari, pengerusi PAC sendiri telah menyatakan bahawa pelaksanaan fasa pertama 1BestariNet sudah ternyata gagal. Beliau juga mempersoalkan sama ada projek ini harus diteruskan atau dikaji semula oleh Kementerian. Adakah Kementerian akan mempertimbangkan cadangan PAC?

**Pendidikan asas pembangunan**

Tuan yang dipertua,

Dalam lawatan ke Jepun baru-baru ini, Menteri Pendidikan I telah dengan bangganya menggelarkan sistem pendidikan kita sebagai contoh yang baik kepada negara-negara lain. Ini kerana, menurut beliau, "sistem pendidikan negara kita telah menghasilkan ramai intelektual dalam semua bidang seperti doktor dan jurutera. Akibat daripada itu, Malaysia sudah hampir menjadi negara maju."

Saya tidak menafikan bahawa negara kita telah mengalami pembangunan yang pesat sejak zaman Merdeka. Daripada sebuah negara berpendapatan rendah, kita sudah menjadi negara berpendapatan sederhana. Namun begitu, kita seolah-olah menemui jalan buntu dari segi pembangunan. Menurut Bank Dunia, negara kita kini terjerat dalam perangkap pendapatan sederhana (middle-income trap). Ini bermaksud bahawa walaupun negara kita mencatat pertumbuhan setiap tahun, ia tidak mencukupi untuk mengejar ekonomi-ekonomi maju.

Sementara itu, negara-negara seperti Korea Selatan, Taiwan dan Singapura yang pernah mempunyai KDNK per kapita yang lebih rendah berbanding negara kita 50 tahun lalu, sudah pun mencapai taraf negara berpendapatan tinggi.

Sekiranya kita ingin memajukan negara, kita harus terlebih dahulu mengakui kelemahan kita dan akur bahawa sistem pendidikan kita belum mencapai potensinya. Selagi kita tidak memahami dan memberi keutamaan kepada masalah sebenar, dan selagi kita terus menggubal dasar mengikut kepentingan politik dan bukan kepentingan guru dan murid, selagi itulah negara kita akan kekal dalam kekusutan sekarang.

Sekian, terima kasih.



MELAWAT keluarga pelarian Syria di Mafraq, Jordan.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PAS PENANG HQ** | (T) 04 - 575 5584 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ridwan Osman<br>ridwan_wan48@yahoo.com | 013-499 5068 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Arshad Md. Salleh<br>arshad.salleh@yahoo.com | 019-510 2633 |
| **SUNGAI DUA**<br>Zahadi Mohd.<br>zahadi55@yahoo.com | 019-507 3828 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012-594 1515 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Jamaludin Said<br>udinmtd@gmail.com | 019-413 0799 |
| **PULAU BETONG**<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017-460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS & AMBULANS | 999 |
| BOMBA | |
| PENYELAMAT | |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : 011-1060 8823 | - Shukri |
| N2 | Bertam | : 019 - 593 3736 | - Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | : 019 - 556 4664 | - R.M. Reza |
| N5 | Sungai Dua | : 013 - 595 6865 | - Rosli Man |
| N6 | Telok Air Tawar | : 013 - 598 1435 | - Raudzey Razali |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 399 6689 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 010 - 929 6603 | - Ariff Baseri |
| N22 | Tanjong Bungah | : 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | - Benji Ang<br>- Razin |
| N29 | Datok Keramat | : 017 - 480 7417<br>04 - 226 2464 | - Varinder<br>- Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963 | - Toon Hoon Lee |
| N35 | Batu Uban | 016 - 205 1185<br>: 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Frankie Kee<br>- Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | : 016 - 599 2918 | - Saifullizan |
| N39 | Pulau Betong | : 012 - 422 4935 | - Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | : 017-413 5695 | - Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2015

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Loh Joo Huat | 012 - 422 1133 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani | 019 - 411 8343 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Chong Hee | 019 - 411 5598 |
| Tiagarajen A/L Annamalai | 010 - 387 9305 |
| Ong Eu Leong | 010 - 770 0508 |
| Ho Leng Hong | 017 - 487 2767 |
| Shafiqah Shobha Abdullah | 016 - 496 1659 |
| Mohd. Rizal Abd. Hamid | 012 - 424 3878 |
| Rajasegar a/l Govindasamy | 019 - 411 7051 |
| Zulkifli Ibrahim | 018 - 576 1622 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115<br>019 - 493 6161 |
| Amir Md. Ghazali | 013 - 584 8386 |
| Mohd. Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Omar Hassan | 019 - 571 8031 |
| Dahalan Fazil | 019 - 727 4388 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 508 0039 (Tel)<br>04 - 657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah | 013 - 414 4822 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2015

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPPP | 04 - 259 2020 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Sukumar a/l Subramaniam | 019 - 442 2113 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019- 225 6502 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Prof. Tan Kim Hooi | 016 - 438 7855 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Lim Boon Beng | 012 - 564 4400 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Kumaresan a/l Arumugam | 014 - 945 9621 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Felix Ooi Keat Hin | 016-417 1331 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Yacoob Omar | 013 - 420 3611 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Dr. Lim Mah Hui | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat | 016 - 414 3428 |
| Sha'ari Md. Salleh | 013 - 788 7786 |
| Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 012 - 472 8114 |

**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "***sms blast***",
taip "***ADD ME***" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang 2015

### PENGUMUMAN PERBADANAN BUKIT BENDERA (PHC) : PENYELENGGARAAN TAHUNAN

Perkhidmatan kereta api furnikular Bukit Bendera akan ditutup dari 15 hingga 17 Jun 2015 bagi kerja-kerja selenggaraan pertengahan tahun dan akan beroperasi semula pada 18 Jun 2015.

Pelawat boleh memilih laluan alternatif melalui *track jeep* (Taman Botani) atau laluan mendaki yang sedia ada ke puncak Bukit Bendera.

Untuk maklumat lanjut mengenai jadual perkhidmatan kereta api dan perkembangan semasa, sila layari laman sesawang PHC di *www.penanghill.gov.my.*

Kami memohon maaf atas sebarang kesulitan yang timbul.

Pengurusan,
Perbadanan Bukit Bendera.



30hb - 31hb Mei
***Festival Perahu Naga Antarabangsa Pulau Pinang***
***Empangan Teluk Bahang***





“Oleh itu, kita mahu perkara yang sama untuk Persatuan Berbasikal Pulau Pinang (PCA) yang mana bukan hanya menghadapi masalah kekurangan basikal, malah juga dana,” katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Penasihat Pengerusi PCA, Syed Ibrahim Syed Abu Tahir Setiausaha PCA, Munir Mohd. Ismail dan Pegawai Tadbir Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai Heng Hua.

Pada majlis tersebut, MSNPP bagi pihak Kerajaan Negeri turut menyampaikan sebuah basikal kepada PCA.

Dalam pada itu, Munir memberitahu, kini seramai 40 bakat muda berusia 21 tahun ke bawah berada di bawah naungan PCA.

“Justeru, kami (PCA) amat memerlukan jumlah basikal yang mencukupi bagi membolehkan anak-anak muda ini berlatih.

“Setiap basikal latihan dianggarkan bernilai RM2,500,” jelasnya yang turut menyerahkan proposal permohonan bantuan kepada Chong Eng untuk pertimbangan pihak Kerajaan Negeri.

# Cukup bahan, cukup rasa, maka sedaplah kuih - Mak Limah

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



**HALIMAH Muhammed atau Mak Limah.**



**PELBAGAI jenis kuih yang dihasilkan.**



**PADA** usia 70 tahun Mak Limah masih mampu menghasilkan kira-kira 40 jenis kuih untuk dijual di pasar malam sekitar Seberang Perai pada setiap hari Isnin, Selasa, Rabu, Khamis dan Sabtu.

Malah, menjelang bulan Ramadan, tempahannya adalah berganda. Begitupun, usia tidak pernah menghalang beliau untuk terus memenuhi permintaan para pelanggannya.

Tidak dinafikan, minat dan keseronokan berniaga mengatasi segala-galanya.

Minat Mak Limah atau nama sebenar, Halimah Muhammed yang berasal dari Pantai Remis, Perak dan kini menetap di Pintas Siakap 2, Taman Siakap, Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah (SPT) dalam bidang pembuatan kuih disemai sejak zaman remaja lagi.

“Sekitar usia 17 tahun, Makcik tengok orang tua-tua buat kuih talam. Apabila Makcik balik dan cuba buat, kuih jadi keras sikit sebab kurang air.

“Esok Makcik cuba lagi sampai betul-betul jadi,” kata beliau yang amat peramah perwatakannya.

Berkongsi dengan lebih lanjut, Mak Limah menyatakan bahawa kuih popianya adalah amat istimewa walaupun amat mencabar dirinya.

“Semuanya Makcik buat sendiri. Dari kulitnya, potong inti, balut dan kemudian goreng, termasuk buat yang basah sekali.

“Kuih popia, Makcik belajar buat daripada kawan-kawan masa tinggal di berek polis di Batu 5, Tampoi, Johor ketika mengikut arwah suami bertugas di sana.

“Masa mula buat, tak sedap dan langsung tak jadi. Kawan-kawan komen itu ini dan sambil-sambil bagi petua untuk sedapkan popia... sudah-sudah, menjadi juga!,” katanya sambil tersenyum lebar.

Pada tempoh itu juga, Mak Limah begitu tertarik apabila melihat orang berniaga kuih, malah, pada ketika itu jugalah terdetik dalam sanubari beliau untuk menceburi bidang berkaitan suatu hari kelak.

17 tahun di Johor, akhirnya Mak Limah bersama-sama arwah suaminya kembali ke Pulau Pinang.

“Ketika berpindah balik, Makcik menyewa sebuah rumah di Lorong Siakap II. Masa itu juga Makcik mula berniaga menjual popia dengan harga 20 sen satu.

“Hari pertama berniaga dapat untung RM17, rasa amat seronok sekali. Lepas itu, buat lagi dan tambah macam-macam kuih lagi, rasa seronok tiap-tiap hari dapat duit.

“Perasaannya lain dibandingkan dengan orang yang makan gaji,” ujar Mak Limah yang dikurniakan tiga cahaya mata.

Ketika ditanya mengenai resepi dan petua kuih-muihnya yang sedap, Mak Limah menyatakan bahawa ia adalah resipi turun temurun.

“Takdak rahsia apa-apa. Buat macam biasa. Cukup masak, cukup bahan, cukup rasa, cukup garam, maka sedaplah kuih,” jawabnya yang tidak pernah lokek ilmu berhubung resipi kuih-muih beliau.

Malah, nyata Mak Limah, terdapat ramai pelanggan yang datang memeluk dan berterima kasih kepada beliau ekoran berjaya membuat kuih-muih hasil resipi yang dikongsinya.

Selain popia, antara kuih-muih yang dihasilkan adalah tepung talam, seri muka, sagu, kuih lapis, nasi himpit, gado-gado, bengkang ubi dan pelbagai lagi.

Kini, Mak Limah yang dikurniakan 12 orang cucu bersyukur kerana anak keduanya menyambung warisan perniagaan yang diusahakan beliau.

“Juga atas minat, kini, anak sudah pandai buat semua jenis kuih yang Makcik buat.

“Makcik bersyukur dan harap dia (anak) dapat meneruskan apa yang ada dan maju lagi,” nyata Mak Limah yang masih sedia menerima tempahan termasuk menjelang sambutan hari perayaan seperti Hari Raya, kenduri, majlis hari lahir dan lain-lain.

Sebelum mengakhiri sesi temuramah berkaitan, Mak Limah berkongsi satu coretan manis daripada salah seorang pelanggan yang memberi kepuasan kepada dirinya untuk meneruskan apa yang diusahakan selama ini.

Sapa pelanggan berkaitan :

“Makcik jual kuih lagi?

“Dari bujang saya makan kuih makcik, kini, anak saya pun dah umur 34 tahun.

Dengan rasa bangga dan terharu, Mak Limah menjawab :

“Habis, apa Makcik nak buat kalau tak jual kuih!” sambil disusuli dengan gelak ketawa beliau.



**KUIH-muih sedang dikukus.**

**INFO :**
**No. Tel. : 012 - 388 2071 atau 04 - 390 3867**

# Norazlan penggerak Skuad Kebajikan Seberang Jaya

**KEGAGALAN** merampas kerusi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya selepas Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU12) pada 8 Mac 2008 tidak pernah mematahkan semangat mereka.

Sebaliknya, Ahmad Norazlan Zainal, 41, bersama-sama beberapa aktivis mengambil keputusan untuk menggandakan kerja-kerja kebajikan menggunakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sehingga dikatakan salah satu sebab menyumbang pada kejayaan merampas kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Seberang Jaya yang berada dalam Kawasan Parlimen Permatang Pauh pada pilihan raya umum lepas, 5 Mei 2013.

Kini, kerusi ADUN Seberang Jaya disandang oleh Dr. Afif Bahardin, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan.

“Pertubuhan Komuniti Prihatin Seberang Jaya ini didaftar di bawah ROS (Pendaftar Pertubuhan) pada 31 Disember 2013, tetapi sebelum nama berdaftar, Skuad Prihatin Seberang Jaya ini menggerakkan aktiviti sukarelawan berkebajikan melalui Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen Permatang Pauh sejak tahun 2010 lagi.

“Sebelum penubuhan Skuad Prihatin ini, ‘kita’ seakan tiada dalam kesusahan komuniti Seberang Jaya, walaupun ‘kita’ berjaya tubuh Kerajaan Negeri, kerana banyak golongan terpilih tidak berjaya merebut manfaat daripada program-program Kerajaan Negeri sejak tahun 2008.

“Beberapa pihak daripada kalangan kelompok anak muda banyak membantu dan bergabung tenaga untuk fokus pada gerak kerja kebajikan ini sampai tertubuhnya Skuad Prihatin Seberang Jaya.

“Masih banyak lagi Skuad Prihatin Seberang Jaya perlu lakukan untuk kerja-kerja kebajikan komuniti, walaupun Alhamdulillah, ‘Kak Wan’ (Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail) berjaya mempertahankan kemenangan bagi Kerusi Parlimen Permatang Pauh,” ujar Ahmad Norazlan semasa diwawancara oleh wartawan akhbar Buletin Mutiara, ZAINULFAQAR YAACOB di Jalan Tenggiri dekat Seberang Jaya baru-baru ini.

Ahmad Norazlan lebih 20 tahun bermastautin di Pulau Pinang, walaupun dilahirkan di Kuala Lumpur.

Beliau mengaku bahawa jiwanya lebih serasi dengan kerja-kerja kebajikan komuniti berbanding aktiviti politik kepartian.

“Kerja kebajikan ini aktiviti kegemaran ibu saya, itu yang saya lihat sejak kecil di rumah.



AHMAD Norazlan Zainal.

“Kerja-kerja kebajikan seperti membantu golongan terpilih memohon sumbangan daripada Zakat Pulau Pinang (ZPP) atau kerja-kerja membaikpulih rumah umpamanya, ini semua berbekal pengalaman buat kerja-kerja kebajikan semasa di Sekolah Sri Ampang (dekat Kuala Lumpur) dulu lagi.

“Kata orang, guru terbaik adalah pengalaman.

“Dahulu, saya adalah perunding insurans sepenuh masa dan kerja-kerja kebajikan ini dibuat secara sambilan, tetapi kini, kerja-kerja kebajikan ini pula jadi kerja sepenuh masa saya di Seberang Perai,” seloroh beliau yang dilihat cepat sahaja mesra dengan sesiapa, walaupun pada pertemuan kali pertama.

## HIDUPKAN KEBAJIKAN KOMUNITI

Pun begitu, Ahmad Norazlan memberitahu bahawa Skuad Prihatin Seberang Jaya bukanlah pertubuhan berorentasikan keuntungan.

“Peringkat awal, fokus kerja kebajikan melalui kerjasama dengan Zakat Pulau Pinang, seperti membantu memohon sumbangan elaun bulanan, bantuan perubatan, alatan sokongan atau kerusi roda untuk beberapa golongan asnaf terpilih.

LOGO Skuad Prihatin Seberang Jaya.

“Contoh, bagi pesakit yang terdampar, kita ziarah dan urus permohonan sampai diluluskan oleh zakat

“Kerja-kerja kebajikan sebegini bukan sahaja melunakkan hati pesakit tersebut, sebaliknya, sanak-saudara dan jiran tetangganya turut melihat ‘kita’ dengan lebih baik.

Menurut Ahmad Norazlan, ZPP melalui Penolong Pengurusnya, Ustaz Mohamad Kairi Ghazali dan beberapa individu lain banyak membantu menjayakan program kebajikan Skuad Prihatin Seberang Jaya.

“Cuma, bermula tahun lepas (2014), skuad mula fokus pada kerja-kerja komuniti seperti baikpulih rumah orang susah atau dilanda bencana dalam kawasan DUN Seberang Jaya.

“ZPP banyak membantu...mereka cadang lantik kontraktor untuk baikpulih rumah-rumah terpilih sebagaimana dimohon melalui Skuad Prihatin Seberang Jaya.

“Tetapi, saya minta supaya kerja-kerja baikpulih rumah ini dilakukan secara gotong-royong dengan komuniti setempat, agar semua komuniti tahu bahawa masing-masing bertanggungjawab ke atas golongan terpilih seperti ibu tunggal, warga emas, pesakit kronik, anak yatim dan sebagainya.

“Gotong-royong ini adalah budaya Malayu yang patut ada dalam tiap-tiap pemikiran generasi kita, sama ada di kampung atau di bandar seperti Seberang Jaya, itu yang Skuad Prihatin Seberang Jaya cuba hidupkan,” ujarnya.

Beliau memberitahu, Skuad Prihatin Seberang Jaya sejak tahun 2010 berjaya membantu permohonan hampir 1,000 golongan terpilih pelbagai kategori hingga berjaya mendapat bantuan berwajib daripada ZPP.

“Satu lagi, ada lebih 50 kes, kita berjaya mendapatkan elaun bulanan daripada sumber zakat kepada mereka hingga ke hari ini,” kata beliau.

Kini, tambah Ahmad Norazlan, Skuad Prihatin Seberang Jaya mula menganjurkan program meningkatkan keupayaan komuniti terpilih, seperti kursus memasak, menjahit dan sebagainya, turut dengan kerjasama ZPP dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

“Ini memang program kemahiran, kalau dua daripada 10 peserta yang mengikuti kurus pendek ini keluar dan berjaya, itu cukup baik bagi kami,” ujarnya.

## MANIS DAN PAHIT

Ahmad Norazlan memberitahu bahawa pasukannya mencari kepuasan dalam melakukan aktiviti kebajikan, walaupun masing-masing mempunyai komitmen dalam organisasi kepartian.

“Kerja baikpulih dan tukar bumbung rumah umpamanya memang letih, tetapi apabila kita balik rumah dan tidur, esok kita akan rasa kepuasan apabila pergi melihat rumah tersebut.

“Orang tua dia sensitif dengan hujan kalau bumbung bocor sebab imuniti badan dah tak kuat seperti orang muda, kalau kita bantu dia, tentulah ada kasih sayang dia kepada kita selagi dia hidup

“Tetapi, yang tak manisnya, ada waris atau jiran sekeliling pernah melahirkan rasa tidak selesa dengan kerja-kerja Skuad Prihatin Seberang Jaya ini, kononnya melangkaui tanggungjawab komuniti mereka.

“Kadang-kadang ada pertubuhan komuniti pertikai mengenai kerja membaikpulih rumah tanpa mengira perbezaan idealogi politik kerana kurang faham mengenai Skuad Prihatin ini adalah NGO, bukan (sayap) parti politik.

“Sampai saya terpaksa kata, yang kerja buat kebajikan ini selepas mendapat peruntukan khusus daripada ZPP dan berbeza dengan mereka yang masing menunggu proses kelulusan JKM.

“Kita kena ada hubungan peribadi dengan pegawai-pegawai ZPP, barulah mudah berurusan kerana yang paling penting adalah pupuk kepercayaan,” kata beliau.

## HARAPAN

Ahmad Norazlan mempunyai pendapat kritis tersendiri mengenai budaya politik kepartian sesetengah pihak yang dianggap kurang menguntungkan komuniti terpilih.

“Anak muda yang ada kudrat bekerja jangan ambil BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia) umpamanya, supaya Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mendapat mesej yang betul bahawa duit berbilion ringgit itu lebih wajar disalurkan kepada komuniti terpilih seperti warga emas, ibu tunggal, murid-murid, OKU (orang kurang upaya) dan sebagainya.

“Pakatan Rakyat dapat undi majoriti lebih 51 peratus di Semenanjung Malaysia pada pilihan raya umum lepas, bayangkan jika majoriti mereka khususnya anak muda tak ambil BR1M ini.

“Duit atau ceramah politik semata-mata sebenarnya tidak boleh membeli jiwa rakyat, kerana jiwa rakyat khususnya golongan terpilih ini boleh dipujuk untuk menyokong aspirasi perjuangan kita dengan kerja-kerja kebajikan.

“Ini mesej kami dalam Skuad Prihatin Seberang Jaya cuba buat, iaitu memupuk budaya politik berasaskan kerja-kerja kebajikan, bukan setakat cakap-cakap di pentas ceramah sahaja.

“Satu lagi impian saya, saya nak buat pameran sistem pondok di Pulau Pinang dalam satu galeri di Seberang Jaya ini, kerana Seberang Jaya ini berpotensi untuk menjadi pusat perkembangan kebudayaan komuniti.

“Impian saya, memang nak mengumpulkan anak muda untuk menghidupkan budaya gotong-royong, biar tanggungjawab menjaga warga emas yang terbiar boleh sampai menjadi tanggungjawab komuniti.

“Segala yang kita lakukan adalah atas kepercayaan yang kita pegang, macam saya yang menggerakkan Skuad Kebajikan Seberang Jaya ini pun atas pesanan ibu saya (iaitu), ‘Jika buat sesuatu yang baik, lakukanlah sehingga selesai’,” kata beliau.



**AHMAD Norazlan Zainal (dua dari kiri) bersama dua sukarelawan Skuad Prihatin Seberang Jaya menziarahi seorang komuniti terpilih.**



**SALAH satu program membaikpulih rumah di KADUN Seberang Jaya yang dilakukan secara gotong-royong anjuran bersama Skuad Prihatin Seberang Jaya dan ZPP.**

# George Town meliputi 'pulau', jelas Datuk Bandar



PATAHIYAH Ismail (kiri sekali) bersama-sama Mohamed Akbar Mustapha (dua dari kiri) pada sidang media di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Pengiktirafan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang didakwa akan menghakis kenangan warga tempatan pada nama ibu negeri George Town itu sendiri mendapat reaksi langsung daripada Datuk Bandarnya, Dato' Patahiyah Ismail.

Dari segi sejarah, katanya, pengiktirafan George Town sebagai 'bandar raya' oleh Ratu Elizabeth II pada 1 Januari 1957 tidak pernah ditarik balik hingga kini. Bagaimanapun, jelas beliau, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pula ditubuhkan semula pada 15 Disember 1976 berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan, 1976.

"Justeru, sempadan sebenar George Town meliputi seluruh bahagian 'pulau', sebagaimana kekal dipertanggungjawabkan ke atas MBPP, kini.

"Dulu, dikenali sebagai 'Bandaraya George Town' oleh Ratu Elizabeth berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkannya.

"Apa yang diberi oleh Ratu Elizabeth II itu tidak pernah ditarik balik, sebab itu kita kaitkan kita dapat pengiktirafan (George Town) sebagai 'bandar raya' itu pada (tahun) 1957.

"Jika ambil populasi di George Town sahaja, mengikut Akta Kerajaan Tempatan, jelas (MPPP) tidak layak (diiktiraf sebagai bandar raya).

"(Ini kerana,) salah satu kriterianya adalah populasi penduduk mesti melebihi 500,000 (orang), kita hanya mohon dan mereka (Putrajaya) yang beri (pengiktirafan George Town sebagai bandar raya).

"Berdasarkan populasi seluruh bahagian 'pulau', kita ada lebih 500,000 penduduk.

"Saya fikir tiada kekeliruan di sini...bagi saya, George Town itu (meliputi) seluruh bahagian pulau," ujar Patahiyah pada Majlis Sidang Media Khas Sempena Pengiktirafan MBPP di Komtar di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, berapa wartawan meminta Patahiyah menjelaskan garis sempadan sebenar ibu negeri George Town, yang dikatakan tiada poskod rasmi dalam rekod POS Malaysia.

Ekoran itu, wartawan berkenaan mendakwa pengiktirafan MBPP pada 31 Mac lepas menambahkan lagi kekeliruan khalayak mengenai perkara berbangkit berkenaan.

"Komtar ini ada poskod dan ada berada dalam George Town, tetapi, poskod George Town tiada dalam alamat rasmi (di pejabat POS sendiri).

"Hanya Komtar ada dalam alamat Pulau Pinang, jadi di mana ibu negeri (George Town)," tanya salah seorang wartawan kepada Patahiyah.

Patahiyah dalam reaksi spontan menjelaskan bahawa George Town telahpun diiktiraf oleh badan dunia UNESCO sejak 7 Julai 2008 lagi.

Maka, beliau memberitahu, kerjasama MBPP dengan *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI) diharap terus melestarikan nama ibu negeri Pulau Pinang itu dalam peta komersial dunia.

Dalam perkembangan lain, Setiausaha MBPP, Ir. Ang Aing Thye, Mohamed Akbar Mustapha (Pengarah Korporat MBPP) dan beberapa pegawai berwajib yang lain masing-masing turut menjelaskan berhubung rancangan PBT berkenaan dalam memulihara semula bangunan-bangunan warisan di sekitar George Town serta isu komuniti Tanjung Bungah mempertikai dua projek pemajuan berwajib oleh pemaju Kumpulan Boon Siew.

# Moratorium demi jayakan pelan pemutihan hotel

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**



AR. Yew Tung Seang (dua dari kanan) dan Abdul Munir Abdul Aziz (kiri sekali) antara panel pada Majlis Dialog Tahunan Bersama-sama Para Pengusaha Hotel Bajet Kali Kedua di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Pengendali hotel tanpa lesen khususnya di sekitar George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO hanya perlu mengemukakan pelan bangunan serta mematuhi beberapa syarat asas keselamatan berwajib demi mendapatkan lesen sementara daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, langkah moratorium atau pergantungan serta penangguhan kegiatan penguatkuasaan berwajib atas persetujuan bersama itu dapat menggamit minat para pengendali hotel tanpa lesen untuk bersama-sama Kerajaan Negeri dalam menjayakan pelan pemutihan hotel di negeri ini.

"Tarikh akhir permohonan lesen tahunan sementara adalah pada 31 Oktober depan, sebelum langkah penguatkuasaan daripada MBPP serta agensi-agensi lain.

"Dengan syarat yang lebih mudah ini, diharap mereka yang mengusaha hotel tanpa lesen sah pada suatu hari nanti akan berjaya mendapatkan lesen sah.

"Inilah hasrat pemutihan hotel yang sedang giat dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk kali yang kedua pada hari ini, sebelum ini, kali pertama dialog seumpama ini diadakan di Dewan Bandaraya (dekat Padang Kota Lama) pada 31 April tahun lepas," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota pada Majlis Dialog Tahunan Bersama-sama Para Pengusaha Hotel Bajet Kali Kedua di sini baru-baru ini.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail, Ar. Yew Tung Seang (Pengarah Jabatan Bangunan MBPP) dan Abdul Munir Abdul Aziz (wakil Jabatan Bomba dan Penyelamat, BOMBA) turut tampil sebagai panelis pada majlis interaksi awam tersebut.

Di bahagian pulau, menurut Kon Yeow, sebanyak 155 hotel dikenalpasti menyalahi undang-undang, manakala, 25 hotel yang lain di sekitar Seberang Perai didapati beroperasi tanpa lesen yang sah.

"Daripada 180 hotel berkenaan, hanya 138 telah menyahut seruan untuk mendapatkan lesen sementara (dalam tempoh) setahun yang dikeluarkan Majlis Bandaraya Pulau Pinang pada tahun ini," jelas beliau.

Sebelum itu, Tung Seang memberitahu bahawa 42 daripada kesemua 180 pengendali hotel berkaitan masih belum memberikan respons pada tawaran mendapatkan lesen sementara daripada MBPP.

"Pengenali (hotel) tidak perlu mendapatkan (kelulusan pelan) kebenaran merancang (daripada MBPP), tetapi, memadai dengan mengemukakan sesuatu pelan bangunan.

"Sejumlah 95 hotel yang tidak berlesen ini dikenalpasti berada dalam (George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO) sendiri," jelasnya.

Tambah beliau, MBPP sedaya upaya cuba meringankan prosedur permohonan lesen dengan mencadangkan pengendali berwajib melantik arkitek untuk melukis bangunan hotel mereka, sebelum diserahkan kepada PBT.

"Apabila suatu perakuan pematuhan diperoleh, seseorang boleh meneruskan untuk memohon lesen itu," katanya.

Tambah Tung Seang, bayaran lesen sementara untuk tempoh setahun adalah antara RM1,200 hingga RM2,400, iaitu bergantung kepada jenis hotel yang diusahakan pengendali berwajib.

"Bagi mereka yang tidak memenuhi pematuhan ini selepas tarikh akhir pada 31 Oktober 2015 nanti, saya ingin menegaskan bahawa langkah-langkah penguatkuasaan ketat akan dikenakan terhadap pengusaha yang melakukan kesalahan," tegas beliau.

# MPSP, Seoul meterai MoU bersejarah

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif baru memeterai suatu perjanjian persefahaman (MoU) pada 9 April lepas dengan Datuk Bandaraya Seoul, Won-soon Park di Korea Selatan.

Munurut Maimunah, memorandum persefahaman itu antara lain menyentuh aspek polisi memulihara alam sekitar serta saling bertukar pengalaman dan teknologi berwajib di kedua-dua pihak.

"MPSP diberi pengiktirafan dalam beberapa perkara penting dalam kerjasama yang dipersetujui secara bersama mengenai pemuliharaan alam sekitar dan kita (MPSP) bersetuju untuk menandatangani MoU ini dengan Seoul demi mengeratkan lagi persaudaraan (antara kedua-dua bandar).

"Kebanyakan inti utama perjanjian persefahaman tersebut adalah menyentuh pada polisi bekerjasama merealisasikan kehijauan serta mengukuhkan kerjasama yang strategik.

"Kedua-dua bandar sebenarnya mempunyai beberapa kelebihan dan persamaan, pertukaran pengalaman, perkongsian kepakaran yang diperlukan serta pengalaman dalam pengurusan sisa dan sisa diperbaharui menjadi tenaga (WTE)," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Tambah Maimunah, pengiktirafan peringkat antarabangsa itu sekaligus mereputasi nama Pulau Pinang.

Dalam perkembangan lain, beliau memberitahu, pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan turut diberi pengiktirafan menganggotai ahli ICLEI (*Logar Governments for Sustainability*) sejak 2014.

Maimunah pada 8 hingga 12 April lepas dipilih mewakili Asia Tenggara menghadiri Kongres Dunia ICLEI 2015 di Korea.

ICLEI adalah badan bukan keuntungan antarabangsa yang menyediakan jaringan bagi membolehkan pelopor kemapanan seluruh dunia bukan sahaja mencetuskan perubahan di kota, malah seluruh dunia.




**MAIMUNAH Mohd. Sharif dan Won-soon Park menandatangai MoU menyentuh aspek polisi memulihara alam sekitar serta saling bertukar pengalaman dan teknologi berwajib membabitkan kedua-dua pihak di Korea Selatan baru-baru ini.**

## Letak kereta di bahu jalan, MBPP tingkat penguatkuasaan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Bermula 1 Mei 2015 lalu, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melancarkan kempen keselamatan dan pendidikan awam tentang etika meletak kenderaan terutama di kawasan sesak dan menjadi tumpuan umum sekitar sini.

Ahli Majlis MBPP, Dr. Tan Kim Hooi berkata, kempen tersebut perlu dilaksanakan segera dan secara holistik sebagai salah satu kaedah bagi mengurangkan kesesakan dan kes-kes kemalangan jalan raya di negeri ini.



**PENGUATKUASA MBPP sedang mengeluarkan saman terhadap sebuah motokar yang didapati menghalang laluan pejalan kaki di Jalan Logan sambil diperhatikan Dr. Tan Kim Hooi (kanan sekali) di sini baru-baru ini.**

"Tumpuan kempen terarah kepada pesalah laku trafik yang meletakkan kenderaan di bahu-bahu jalan yang mempunyai garisan kuning atau tanda larangan, dan juga mereka yang bertindak meletakkan kenderaan di atas laluan pejalan kaki.

"Dalam sebulan (sepanjang bulan Mei), kita (Penguatkuasa MBPP) akan giatkan penguatkuasaan, edaran risalah dan beri pendidikan awam agar para pengguna dapat membiasakan diri dengan peraturan-peraturan keselamatan jalan raya ini," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Tambah Kim Hooi, MBPP sedang dalam kajian untuk menaikkan kadar kompaun sedia ada iaitu dari RM30 ke RM60 atau RM100 mengikut kesalahan dan kadar maksimum RM500 bagi kes-kes yang melibatkan mahkamah.

Jelasnya, penguatkuasaan tersebut adalah selaras dengan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974, Seksyen 46 iaitu Halangan sebagai memetik mana-mana orang yang menyebabkan mana-mana kereta berhenti di mana-mana siar kaki atau tanpa kebenaran bertulis dari pihak berkuasa tempatan menghalang sesuatu parit terbuka di sisi mana-mana jalan adalah bersalah dan pihak berkuasa tempatan atau pegawai polis diberi kuasa secara bertulis dan boleh dibawa ke hadapan Mahkamah Majistret dengan sabitan denda tidak melebihi RM500 atau sabitan kali kedua dan berikutnya tidak melebihi RM1,000.

"Terdapat beberapa kawasan dan jalan yang dikenal pasti antaranya di Jalan Logan, Jalan Anson, Jalan Burma, kawasan Little India, Jalan Dato' Keramat dan Jalan Gottlieb, terutamanya ketika waktu puncak seperti tamat sesi persekolahan atau waktu makan tengahari, sehingga menyebabkan kesesakan trafik dan ada yang tidak menghiraukan keselamatan dengan meletakkan kenderaan di selekoh-selekoh persimpangan.

"Semua ini akan dipantau oleh MBPP dan kita (MBPP) akan mengkaji untuk tempoh sebulan ini serta lihat apa keputusan yang kita peroleh nanti," tegas beliau yang turut memberi jaminan bahawa MBPP giat mencari solusi terbaik bagi kemudahan meletak kereta termasuk penswastaan kemudahan parkir seperti di Lebuh Pantai, Lebuh Union dan Lorong Hutton di sini.



**KEADAAN sebuah kereta yang diletakkan di laluan pejalan kaki sehingga menghalang kemudahan laluan berkaitan.**



# P. Pinang tubuh jawatankuasa inklusiviti rekabentuk tempat awam

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** – Rata-rata rekabentuk tempat awam serta bangunan di tanah air ini didakwa tidak memenuhi undang-undang berwajib serta piawaian aksesibiliti sejagat sebenar untuk kegunaan warga emas, wanita, kanak-kanak serta pelbagai kategori orang kurang upaya (OKU).

Justeru, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey berkata, Kumpulan Tindakan Aksebiliti Pulau Pinang (PAAG) akan ditubuhkan pada peringkat negeri tidak lama lagi, bertujuan untuk merealisasikan polisi akses sejagat di Pulau Pinang.

"Kebanyakan orang tidak memahami bagaimana seorang OKU menggunakan tandas OKU, maka, banyak tandas OKU dibina dengan salah dan tidak boleh digunakan oleh OKU.

"Banyak orang tidak memahami kesusahan seorang pengguna kerusi roda atau nenek tua yang susah berjalan, maka, tidak prihatin tentang rekabentuk laluan pejalan kaki," jelasnya yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kecil Akses Sejagat pada sidang media di sini baru-baru ini.

ADUN Jawi, Soon Lip Chee, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Chris Lee Chun Kit dan Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Prof. Madya Dr. Tiun Ling Ta turut hadir pada sidang media tersebut.

Soo Huey memberitahu, langkah pemantauan serta pendidikan kesedaran awam yang dilakukan PAAG tersebut adalah selari dengan Seksyen 43A(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), iaitu mewajibkan semua bangunan awam menyediakan akses bagi membolehkan OKU memasuki, keluar dan berada dalam bangunan serta menyediakan kemudahan-kemudahan berkaitan untuk digunakan oleh OKU.

Jelas beliau, inisiatif PAAG tersebut adalah agar rekabentuk bangunan kembali mengikut Rekabentuk Sejagat, sebagaimana dituntut dalam Seksyen 34A(2) Akta 133 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Dalam perkembangan sama, Soo Huey turut membentangkan tujuh prinsip Akses Sejagat yang akan menjadi tumpuan pada PAAG, iaitu Mampu Guna, Penggunaan Fleksibel, Penggunaan Mudah & Intuitif, Daya Penyampian Maklumat Mudah, Kesilapan Minimum, Rendah Keupayaan Fizikal, serta Kesesuaian & Kecukupan Saiz dan Ruang.

"Fokus akses sejagat adalah untuk mengintegrasikan sebaik mungkin kemudahan-kemudahan untuk digunakan oleh semua golongan individu secara inklusif tanpa pengasingan," ujarnya.



YAP Soo Huey (dua dari kiri), Dr. Tiun Lin Ta (kiri sekali) dan Chris Lee Chun Kit (berdiri, dua dari kanan) menyantuni seorang OKU pada sidang media di sini baru-baru ini.

Difahamkan, Jawatankuasa Kecil Akses Sejagat ditubuhkan di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Kerajaan Tempatan pada tahun lepas dan kini ditubuhkan PAAG pula demi memperbaiki mutu perkhidmatan Kerajaan Negeri ke atas golongan terpilih berkenaan.

OKU berpengalaman, pengamal undang-undang, arkitek, jurutera, pemaju, pengurus bangunan serta mereka yang berpengetahuan mengenai kekeluargaan, wanita dan orang tua dialu-alukan menghantar profil calon melalui emel, *yapsoohueydap@gmail.com* untuk temuduga awam lalu dipilih menganggotai PAAG berkaitan.

## Gelanggang futsal & sepak takraw untuk riadah muda-mudi



LIM Siew Khim (berdiri) tiga dari kiri bergambar kenangan dengan salah sebuah pasukan yang berentap dalam Kejohanan Futsal Bawah 15 Tahun dan Sepak Takraw Terbuka Anjuran MBPP dan JKKK Kampung Jelutong di sini baru-baru ini.

Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**SUNGAI PINANG** – Demi kemudahan komuniti setempat, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) 'menyerahkan' dua gelanggang sepak takraw dan sebuah gelanggang futsal kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Jelutong di sini baru-baru.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim berkata, sebelum ini, tapak-tapak berkaitan adalah kompleks makanan yang terbengkalai ekoran lokasi yang tidak strategik.

"Ketika saya menjadi Ahli Majlis MPPP (sebelum disytihar sebagai MBPP), langkah menyelamatkan projek ini telah dibincangkan ekoran ia terletak bersebelahan longkang besar dan tidak sesuai didirikan kompleks makanan.

"Justeru, pada tahun 2013, pihak Majlis memutuskan untuk menukarkan fungsi ia kepada gelanggang futsal dan sepak takraw bagi kemudahan anak-anak muda di sini," ujarnya ketika hadir merasmikan Kejohanan Futsal Bawah 15 Tahun dan Sepak Takraw Terbuka Anjuran MBPP dan JKKK Kampung Jelutong di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis MBPP, Mohamed Yusoff Mohamed Noor dan Pengarah Jabatan Rekreasi, Pelancongan & Perhubungan Antarabangsa MBPP, Rashidah Jalaludin.

Dalam pada itu, Rashidah memberitahu bahawa bayaran sewa yang bakal dikenakan adalah sangatlah minimum berbanding gelanggang futsal komersial.

"Kadar sewa gelanggang futsal pada waktu siang dari 10 pagi hingga 7 malam adalah RM30, manakala dari 7 malam hingga 12 tengah malam, RM40," jelasnya.

Pada pertandingan tersebut, masing-masing menyaksikan aksi 13 pasukan sepak takraw dan 18 pasukan futsal yang mengambil bahagian.

## MP gesa BORR segera bina pagar pembahagi jalan

**PERAI** – Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani menggesa pengendali Lingkaran Luar Butterworth (BORR) supaya segera membina pagar di sepanjang pembahagi jalan raya berwajib di sini.

Kasthuriraani berkata demikian semasa mengadakan lawatan ke lokasi kejadian, yang telah meragut nyawa seorang lagi pekerja asing warganegara Nepal dalam kejadian kemalangan di sini baru-baru ini.



P. Kasthuriraani (kiri sekali) pada sidang media selepas melawat kawasan kejadian yang meragut seorang pekerja asing warganegara Nepal di sini baru-baru ini.

"Walaupun terdapat dua jejambat dibina untuk pejalan kaki melintas jalan (di sini), mereka tidak digunakan (kemudahan tersebut) kerana ia tidak terletak di lokasi yang strategik.

"Dalam tempoh dua tahun ini, saya difahamkan bahawa lima kes kemalangan maut telah berlaku di kawasan ini dan terbaru pada Sabtu lepas (11 April 2015), apabila seorang pekerja asing dilanggar sebuah kenderaan semasa melintas jalan ini," tegasnya kepada pemberita pada sidang media di lokasi kejadian di sini baru-baru ini.

Pengerusi JKKK Taman Chai Leng, M. Turaisingam dan setiausahanya, Lee Eng Leong turut hadir.

Difahamkan, pejalan kaki yang rata-rata adalah pekerja asing seringkali melintas terus jalan raya tersebut tanpa menggunakan jejantas yang ada apabila tiada kenderaan kerana ia lebih mudah, sama ada untuk ke Taman Emas atau Taman Chai Leng di sini.

Menurut Kasthuriraani, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Chai Leng telah beberapa kali membangkitkan isu tersebut, tetapi seakan tidak diendahkan oleh pengendali.

"Ia (pembinaan pagar di pembahagi jalan) adalah kewajipan moral bagi Kerajaan Persekutuan untuk mengkaji ciri-ciri keselamatan untuk kesejahteraan pengguna jalan raya.

"Surat terkini (daripada JKKK Taman Chai Leng) adalah pada 25 September tahun lepas, tetapi jawapan yang diberikan oleh BORR tidak memuaskan," jelas beliau.

Justeru, Kasthuriraani berkata bahawa beliau akan membawa perkara itu ke Parlimen.

Dalam pada itu, seorang penduduk Taman Emas, Tan Bak Sun, 64, dilaporkan berkata bahawa pengurusan BORR sepatutnya segera menyelesaikan masalah ini tidak lama dahulu.

# RM15.85 juta atasi banjir kilat demi rakyat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **VICTOR SEOW KOO TATT**

**PERMATANG TINGGI –** Sejumlah RM15.85 juta dibelanjakan berhubung pelaksanaan pelbagai projek jangka pendek dan sederhana bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan Permatang Tinggi di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, antara perbelanjaan tersebut termasuk kerja-kerja fizikal pembinaan rumah pam, pembinaan parit lencongan (*by-pass channel*) sepanjang dua kilometer, pelebaran parit dan kerja-kerja penyelenggaraan di beberapa lokasi sekitar.

"Kegagalan sistem saliran air sedia ada untuk menampung pengaliran air adalah antara faktor utama kejadian banjir kilat di kawasan ini dan beberapa kawasan lain pada September 2014.

"Walaupun Kerajaan Negeri menanggung kos yang tinggi, tetapi demi keselesaan dan keselamatan penduduk di sini, Kerajaan Negeri telah meluluskan projek ini.

"Kini, projek ini masih dalam pelaksanaan iaitu bermula September tahun lalu dan dijangka siap Mac 2016," katanya pada Majlis Perasmian dan Pecah Tanah Projek Kerja Pembinaan Parit Lencongan, Rumah Pam dan Kerja-kerja Berkaitan di Permatang Tinggi di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud dan wakil-wakil Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (SPT), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.

Menurut Kon Yeow, setelah siap kelak, 30 peratus dari jumlah air yang mengalir di parit monsun sedia ada di Jalan Impian Ria akan dilencongkan termasuk di kawasan Alma dan Parit 4 Bukit Minyak dialirkan terus ke Sungai Junjung.

Justeru, beliau berharap penduduk sekitar dapat bersabar dan memberi kerjasama sepanjang tempoh projek dijalankan.

"Semasa projek dijalankan, ia mungkin akan mendatangkan gangguan seperti pemindahan infrastruktur, gangguan trafik dan pengalihan utiliti, namun, ini cuma sementara.

"Setelah siap kelak, ia akan memberi manfaat besar buat penduduk di sini," ujar Kon Yeow.



CHOW Kon Yeow (tengah) dan Sr. Rozali Mohamud (tiga dari kiri) menunjukkan pelan pelaksanaan projek jangka pendek dan sederhana bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan Permatang Tinggi di sini baru-baru ini.

## Team 6 Kupang johan tenpin boling piala PPK




PARA peserta Kejohanan Tenpin Boling Piala Penyelaras KADUN Teluk Bahang merakam kenangan bersama sejurus selepas tamat kejohanan di sini baru-baru ini.

Gambar : **PPK**

**BAYAN BARU –** Team 6 Kupang dari Bayan Lepas berjaya meraih tempat pertama pada Kejohanan Tenpin Boling Piala Penyelaras KADUN Teluk Bahang yang berlangsung di Pusat Boling Sunshine Square di sini baru-baru ini.

Menurut Pengerusi Penganjur yang juga merupakan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid, Team 6 Kupang berjaya mengalahkan 16 skuad lain dan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM450.

"Mereka (Team 6 Kupang) berjaya mengalahkan skuad tempat kedua, Skuad ARJ dari Balik Pulau dengan kelebihan 20 jatuhan pin iaitu 1,516 jatuhan pin berbanding 1,496 jatuhan pin bagi tiga perlawanan," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Hadir sama, PPK Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail; Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Halim Hussain dan Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Nur Zarina Zakaria.

Tambah Halil Sabri, semua skuad boling bersaing buat julung kalinya dalam acara trio bagi tahun ini.

"Terima kasih kepada semua peserta dan juga jawatankuasa penganjur yang bertungkus-lumus memastikan kelancaran kejohanan dan inshaAllah, sekiranya berkesempatan kita akan menganjurkan lagi kejohanan sebegini pada masa hadapan," ujar beliau.

Dalam pada itu, Mohd. Noor Hidayat dari Skuad ARJ dinobatkan sebagai Jaguh Boling apabila berjaya mencatat jatuhan pin tertinggi individu iaitu 515 jatuhan pin dalam tiga perlawanan.

## Anjing liar, ADUN gesa kerjasama PBT & penduduk

Gambar : **ADUN**



SOON Lip Chee (duduk, kanan sekali) menunjukkan kecederaan dialami Nur Syasha Syamimi (depan, dua dari kanan) pada sesi lawatan khas beliau.

**JAWI –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee menggesa pihak berkuasa tempatan (PBT) dan penduduk Taman Seri Bayu supaya berganding bahu mencari penyelesaian segera bagi mengatasi masalah ancaman anjing liar di kawasan perumahan terbabit sejak lebih setahun lalu.

Menurut Lip Chee, beliau bimbang insiden yang menimpa Samsul Yahaya, 31, bersama dua anaknya Nur Qasrina Syasha, 16 bulan dan Nur Syasha Syamimi, 5, serta Nurul Ain Kasrul Anuar, 5, yang merupakan anak saudaranya, tercampak ke dalam longkang selepas motosikal ditunggang terbabas gara-gara cuba mengelak dikejar anjing liar, berulang.

"Masalah anjing liar di sini dipercayai semakin membimbangkan dan perlu diatasi segera bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini berlaku kelak.



IBU Nur Qasrina Syasha menunjukkan kecederaan dialami beliau dipercayai dikejar anjing liar ketika menunggang motosikal bersama-sama ayahnya pada 7 April lalu di sini baru-baru ini.

"Saya juga telah menerima banyak aduan penduduk dan telah maklumkan kepada PBT untuk tindakan segera," katanya yang tidak menolak kemungkinan faktor pembuangan sampah tidak teratur telah mengundang kumpulan anjing liar mencari makan di kawasan berkaitan.

"Justeru, saya memohon penduduk supaya memandang serius perkara membabitkan kebersihan tersebut," katanya ketika mengadakan lawatan khas ke kawasan perumahan berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Loh Joo Huat dan H'ng Mooi Lye.

Dalam kejadian 7 April lalu di Taman Seri Bayu, Bukit Panchor, di sini, Samsul cedera parah dan patah bahu kanan, sementara anaknya, Nur Qasrina luka teruk di bahagian pipi kanan serta dagu. Seorang lagi anaknya, Nur Syasha dan anak saudaranya mengalami cedera ringan.

Serentak itu, Lip Chee menyarankan supaya MPSP mengkaji kaedah baharu bagi menyelesaikan masalah anjing liar yang dipercayai semakin bertambah sejak kebelakangan ini.

Mengulas lanjut, Mooi Lye menyarankan supaya pemilik anjing mendapatkan lesen sah bagi mengelak daripada disaman PBT.

"Pemilik anjing perlu memohon lesen anjing peliharaan masing-masing dan harus bertanggungjawab penuh kerana MPSP berhak menangkap anjing-anjing yang berkeliaran dan membahayakan keselamatan penduduk.

"Kompaun yang dikenakan adalah antara RM20 hingga RM250 mengikut kesalahan yang dilakukan," tegas beliau.

# Bakat Si Cilik - Mewarna 2.0




Sila isi butiran berikut:

Nama : ............................................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ............................................

Alamat: ............................................

............................................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ............................................

No. Telefon : (Rumah) .................... (Bimbit) : ....................

Emel: ............................................

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari 1 Mac 2015 hingga 31 Julai 2015.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM200**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**
**20 Hadiah Saguhati**